



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TERK UGARAN SEMERIAH ISTABAT
KONVOKESYEN IJTM KE - 79
DI DEWAN AGUNG TANAHU CAMPUS

TITAH TUANKU CANSELOR

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

AL-MU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ

SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH

IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

**SIDANG PERTAMA
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-79**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

DI DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR

UiTM, SHAH ALAM

9 NOVEMBER 2013

Bismillahirrahmanirrahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dapat Beta dan Raja Permaisuri Agong, sekali lagi, berangkat ke Universiti Teknologi MARA bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79, hari ini.

Beta dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan tahniah kepada para graduan, serta ibu bapa dan kaum keluarga yang turut meraikan kejayaan anak-anak mereka pada hari ini.

Beta amat bersukacita mengetahui bilangan graduan keluaran UiTM semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada konvokesyen kali ini, beta dimaklumkan, seramai 29,297 graduan telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Beta amat bersetuju dan menyokong saranan Perdana Menteri supaya UiTM mensasarkan peningkatan

jumlah pelajar mencecah 250,000 menjelang tahun 2020. Beta yakin, dengan peningkatan jumlah yang besar ini, UiTM mampu memberi ruang dan peluang kepada anak bangsa dan Bumiputera untuk melanjutkan pengajian, seterusnya mengubah destini masa hadapan mereka.

Beta menyeru kepada semua pihak yang terlibat bersama-sama menjalankan perancangan yang sistematik dan strategik dalam usaha untuk merealisasikan hasrat ini. Beta percaya dengan pembinaan kampus-kampus baru UiTM di luar bandar dapat mengekang keciciran anak bangsa dalam pendidikan. Beta juga berharap dengan pembinaan kampus-kampus baru tersebut dapat memberi limpahan ekonomi dan kemakmuran yang boleh dirasai bersama oleh semua lapisan masyarakat. Di sinilah darjat, martabat dan hak bangsa serta anak-anak Bumiputera dibela.

Hadirin sekalian,

Sebagai Canselor, Beta amat berbangga dengan pencapaian UiTM, kerana melalui Program Mengubah Destini Anak Bangsa, UiTM telah berjaya melahirkan kumpulan graduan sulungnya yang akan bergraduasi pada konvokesyen kali ini. Beta juga dimaklumkan bahawa dua orang daripada graduan sulung program ini dinobatkan sebagai penerima Anugerah Naib Canselor dengan cemerlang memperoleh PNGK 3.7 ke atas.

Beta berharap UiTM dapat memastikan graduan yang dilahirkan mampu mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, supaya sentiasa menjadi pilihan utama industri dalam bidang kerjaya, seiring meletakkan nama universiti ini sentiasa di hadapan setanding dengan universiti terkemuka di peta dunia.

Sehubungan itu, Beta berpesan kepada sekalian hadirin, terutamanya para graduan, agar bersyukurlah, berterima kasihlah kepada mereka yang telah banyak berkorban demi

kejayaan kita, dan manfaatkanlah peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan. Insya-Allah.

Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong mendoakan agar Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79 ini berjalan dengan lancar dan selamat sehingga penghujungnya, serta semua warga universiti mendapat keberkatan dan sentiasa dilindungi Allah SWT.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaaatuh.

ALUAN NAIB CANSELOR

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM

KE 79

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullhai Wabarakatuh

Mengadap **Seri Paduka Baginda**

Yang di-Pertuan Agong,

Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin

Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni

Alharhum Sultan Badlishah,

dan mengadap

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Tuanku Hajah Haminah.

Ampun Tuanku beribu ampun; sembah patik

mohon diampun.

Dengan segala pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, serta selawat dan salam ke atas junjungan Besar Rasul-Nya, patik bagi pihak seluruh warga Universiti Teknologi MARA, merafak sembah dan menjunjung kasih atas berkenannya Tuanku Seri Paduka Baginda berdua, berangkat ke Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79 pada pagi ini.

Seluruh warga UiTM, beserta dengan para graduan, dan sekalian yang hadir, dapat merasakan, suasana dalam istiadat pada hari ini begitu gemilang, berkat keberangkatan dan kedaulatan Tuanku berdua.

Ampun Tuanku;

Patik memohon izin perkenan Tuanku, untuk patik mengalu-alukan dan menyampaikan ucapan untuk para hadirin sekalian.

Ampun Tuanku

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Dr. Haji Arshad Ayub, Pro-Canselor dan Puan Sri

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad, Pro-Canselor dan Puan Sri

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Sallehuddin Mohamed, Pro-Canselor

Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid, Pro-Canselor

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr
Wan Mohd Zahid Mohd Noordin,
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan
Puan Sri

Yang Berbahagia, Rakan-Rakan sejawat barisan
Naib Canselor atau wakil dari universiti-universiti
tempatan dan luar Negara

Ahli-ahli Pengurusan dan kakitangan UiTM;

Para ibu bapa, tetamu-tetamu dan para graduan
yang diraikan sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita, atas limpahan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, yang mengizinkan kita berhimpun di Dewan Agung Tuanku Canselor ini, bagi meraikan satu lagi pencapaian yang membanggakan, hasil keringat dan kesungguhan mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang berjaya menamatkan pengajian mereka pada sesi konvokesyen kali ini.

Tahniah saya ucapkan kepada para graduan dan juga ibu bapa serta keluarga atas kejayaan yang diperolehi.

Tentu sekali, banyak pengorbanan yang telah dibuat oleh ibu serta bapa, suami atau isteri; begitu juga ahli-ahli keluarga yang lain.

Hari ini, UiTM juga mencatat sejarah tersendiri, apabila satu lagi Ijazah Doktor Kehormat dianugerahkan kepada seorang tokoh bumiputera terbilang yang berjaya dan disegani.

Sebentar lagi, kita akan menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud , Ketua Menteri Sarawak.

Tahniah Yang Amat Berhormat Pehin Sri !, UiTM berkongsi kebanggaan dengan pencapaian hidup Yang Amat Berhormat Pehin Sri.

Sebagai sebuah universiti bumiputera, UiTM sendiri telah melahirkan berpuluhan ribu sumber manusia, merentas disiplin, sejak ditubuhkan pada tahun 1956.

Pada konvokesyen kali ini, seramai 29,297 graduan akan menerima diploma dan ijazah, masing-masing di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Istiadat konvokesyen yang bermula hari ini hingga 19hb November, akan berlangsung di Kampus Shah Alam (dipecahkan kepada 17 sidang), di UiTM Perlis (lapan sidang), di UiTM Terengganu

(enam sidang), UiTM Melaka (lima sidang) dan bagi UiTM Perak, UiTM Pulau Pinang, UiTM Pahang dan UiTM Sarawak masing-masing dengan empat sidang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 15,743 graduan akan menerima Diploma, 11,943 Ijazah Sarjana Muda, 338 Diploma Lepasan Ijazah, 128 Ijazah Profesional, 1,121 Ijazah Sarjana, dan 24 graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah.

Saya dan seluruh warga UiTM mengucapkan tahniah kepada graduan, keluarga, sanak saudara

serta sahabat handai yang turut meraikan kejayaan ini.

Dengan jumlah graduan yang mengambil bahagian pada konvokesyen ke-79 ini, maka alumni UiTM kini telah melebihi setengah juta. Alhamdulillah.

Selain itu, UiTM juga telah memperkenalkan program khas yang dinamakan Mengubah Destini Anak Bangsa (atau MDAB), bagi memberi peluang kedua kepada anak-anak Melayu dan bumiputera yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian selepas SPM atas faktor kemiskinan dan keputusan SPM yang kurang baik.

Sejak MDAB diperkenalkan, seramai 15,000 golongan anak muda ini telah mengikuti program di peringkat pra-diploma di UiTM.

Insya Allah, jumlah pengambilan pelajar-pelajar MDAB akan ditambah daripada 5,000 sekarang kepada 10,000 setiap semester.

Sebagai makluman untuk sesi konvokesyen kali ini, 159 orang iaitu yang merupakan hasil awal program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) yang bermula pada tahun 2010 berjaya menamatkan pengajian mereka, Alhamdulillah. UiTM ingin mengucapkan tahniah diatas kejayaan para pelajar ini.

Selain dari aspek pengajaran dan pembelajaran, UiTM juga tidak ketinggalan dalam bidang penyelidikan. Di kesempatan ini, saya ingin mengumumkan rekod pencapaian penyelidikan UiTM bagi tahun 2013.

UiTM telah berjaya memperoleh dana pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) sebanyak RM4.12 juta untuk Fasa Pertama dan melonjak kepada RM10.36 juta untuk Fasa Kedua. Jumlah tersebut adalah yang tertinggi yang pernah diterima oleh UiTM dengan peningkatan sebanyak 151 peratus.

Manakala bagi bidang Sains Sosial dan Pengurusan, UiTM untuk Fasa Kedua, berjaya memperoleh geran pembiayaan FRGS sebanyak RM1.8 juta.

Bukan itu sahaja, UiTM juga turut menjadi penerima dana penyelidikan Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) yang tertinggi di kalangan Universiti bukan bertaraf Universiti Penyelidikan iaitu sebanyak RM14 juta.

Semoga dengan kejayaan UiTM memperoleh Geran Penyelidikan Fundamental berjumlah RM28.48 juta ini mampu merangsang dan menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan di UiTM.

Inshaallah marilah kita sama-sama terus berusaha untuk kemajuan UiTM dimasa hadapan.

Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada para graduan. Semoga saudara-saudari akan terus berjaya dalam menempuh kehidupan seterusnya, demi agama, demi menjaga maruah bangsa dan negara.

Akhir dari saya untuk semua graduan, walau sejauhmana pun kita berjaya, walau setinggi mana pun jawatan atau pangkat kita nanti, kenanglah jasa UiTM, sentiasalah menolong UiTM, kerana UiTM sentiasa di hati kita, dan “Hanya yang cekal

dan tabah, dapat membina bangsanya yang berjaya”.

Sekian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menjunjung Kasih TuanKu

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

10 NOVEMBER 2013 (AHAD)

SIDANG KEDUA

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB PRO-CANSELOR UiTM DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79 SIDANG KEDUA (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T kita semua dapat berada di Dewan Agung Tuanku Canselor ini untuk bersama-sama menyaksikan suatu acara yang sungguh istimewa dan penuh bermakna iaitu sidang kedua Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Pada sidang kedua ini, UiTM sekali lagi melakar kejayaan dengan menyaksikan seramai 904 orang graduan menerima ijazah sarjana dalam bidang masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

Pada hari yang berbahagia ini, saya amat berbangga dengan kehadiran para ibu bapa dan graduan yang bukan

sahaja datang dari kawasan Shah Alam ini, tetapi juga dari seluruh pelosok negeri. Kini UiTM berada di setiap negeri, realisasi daripada penubuhan kampus-kampus di luar bandar, yang membolehkan setiap anak bangsa daripada segenap komuniti masyarakat menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi. Begitulah besarnya hasrat keluarga kita, keluarga Universiti Teknologi MARA.

Sesungguhnya saudara-saudari yang berada dalam dewan ini pastinya tersenyum gembira, apabila berjaya keluar dengan ijazah sarjana yang membanggakan ibu dan ayah. UiTM ibarat dunia kecil yang dipenuhi dengan lubuk-lubuk ilmu pengetahuan yang berguna dalam pelbagai bidang. Dengan bekalan ilmu yang dimiliki di dunia kecil inilah, maka saudara-saudari seharusnya bijak melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberi untuk digunakan dengan sebaik mungkin di luar sana, di alam pekerjaan yang lebih mencabar.

UiTM sentiasa memastikan setiap graduan yang dilahirkan daripada produk UiTM mempunyai kebolehan dan kebolehpasaran yang tinggi dalam bidang-bidang tertentu, supaya mampu untuk bersaing di peringkat global. Kita sedia maklum bahawa UiTM merupakan satu institusi unggul yang dipertanggungjawabkan untuk membantu meningkatkan mutu pendidikan pelajar Melayu dan bumiputera bagi membolehkan mereka menguasai ilmu pengetahuan yang sempurna. Justeru, jentera UiTM bergerak mengorak langkah, mengerah tenaga turun padang bersama-sama untuk memastikan hasrat memartabatkan bangsa Melayu dan bumiputera yang berilmu ini terlaksana.

Semangat serta usaha keras saudara-saudari dan jentera warga UiTM ini, menjadi benteng utama bagi menjulang kejayaan, yang terukir dalam setiap butir permata graduan yang dilahirkan oleh UiTM. Kejayaan saudara saudari pada hari ini secara tidak langsung juga telah membuktikan

kejayaan perjuangan penubuhan UiTM yang menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat.

Graduan yang dikasihi sekalian,

Pengiktirafan yang diterima oleh UiTM di peringkat antarabangsa telah membuktikan bahawa UiTM setanding dengan universiti terkemuka lain di dunia terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Selama 57 tahun ini, universiti melakar banyak kejayaan dengan terhasilnya graduan berasaskan sains dan teknologi, pengurusan dan perniagaan serta sains sosial dan kemanusiaan yang berjaya dan terkenal. Mereka ini mempunyai sifat-sifat yang unggul, jati diri, bersemangat waja, tidak mudah putus asa dan berani mengambil risiko, yang harus dicontohi oleh setiap graduan yang berada dalam dewan ini.

Dalam bidang penyelidikan pula, UiTM telah memeterai pelbagai memorandum persefahaman bersama beberapa

buah universiti luar yang bertujuan untuk pengantarabangsaan pelajar, meningkatkan taraf projek penyelidikan, perkongsian kepakaran dan membentuk keperluan modal insan yang cemerlang.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, Universiti Teknologi MARA adalah sangat dekat dengan hati saya. Sejak saya diberi mandat untuk menerajui Maktab MARA yang kemudiannya menjadi Pengarah Pertama ITM, dan sekarang sebagai Pro-Canselor UiTM, saya bersyukur dan berbangga melihat taraf pendidikan anak bangsa khususnya bumiputera diangkat ke satu takuk yang lebih tinggi.

Kejayaan yang dikecapi ini tidak lain dan tidak bukan adalah melalui kerjasama jitu seluruh warga UiTM dengan pimpinan Naib Canselor-Naib Canselornya. Sejak dari awal penubuhan institusi ini, ia telah berjaya memfokuskan

pencapaian akademik dalam sistem pendidikan dan pentadbiran ke arah globalisasi mengikut acuan sendiri.

Dalam diri setiap pelajar yang lahir daripada produk universiti ini, mencetuskan idea, pemikiran, nilai-nilai murni, suasana dan modal insan yang sentiasa menganjak ke hadapan dari segenap pelosok ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Sikap prihatin dan mutu yang unggul ditagih dalam diri setiap warga UiTM supaya imej UiTM sentiasa dijaga dan terpelihara.

Pada hari ini, dalam dewan yang indah ini, saya juga mengharapkan 904 orang pemegang ijazah sarjana UiTM ini terus mencipta keunggulan dalam setiap bidang yang diceburi. Setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik universiti dalam usaha untuk melonjak nama dan kredibiliti UiTM di peta dunia. Genggamlah azam menongkah arus mencipta sejuta kejayaan di lautan kerjaya

yang luas terbentang di luar sana. Jagalah nama baik universiti yang kita sayangi ini kerana UiTM adalah tonggak kubu untuk kemajuan orang Melayu.

Hadirin-Hadirat yang dihormati,

Marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi dengan peluang yang diberikan oleh institusi ini kepada bangsa peribumi, dapat memperkasa dan bersaing di persada dunia dari segi ekonomi, kedudukan, jati diri dan modal insan. Berkat usaha dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap warga universiti telah berjaya meletakkan nama UiTM di peta dunia dan kita harapkan semoga nama ini kekal dikenali seantero dunia.

Seberapa jauh hutan diterokai, lautan direnangi, onak ranjau diredahi, cabaran rintangan ditelusuri, semaikanlah disanubari bahawa **UiTM Sentiasa di Hatiku**. Kerana dari lubuk ilmu inilah para graduan diberi peluang untuk

mentransformasi destini sebagai pewaris warisan Negara kelak.

Orang tua-tua pernah berkata, *orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*. Tanamlah kesedaran dalam diri supaya janganlah kita menjadi seperti *kacang lupakan kulit, habis madu seeah dibuang*. Ingatlah jasa dan pengorbanan ibu bapa, kaum keluarga, para pensyarah yang telah banyak membantu saudara saudari sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang. Setiap titisan keringat ilmu, usaha dan doa yang dicurahkan menjadi pengiring setia kepada kejayaan para graduan dan tidak mungkin terbalas dengan wang ringgit oleh para graduan pada hari ini.

Justeru, setiap anak bangsa peribumi yang melangkah ke UiTM harus berganding bahu bersama menyuburkan rasa sayang dan syukur atas segala nikmat, kurniaan dan peluang yang telah diberikan selama ini. Janganlah para

graduan mensia-siakan ruang dan peluang yang telah diberikan. *Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya, Segenggam digunungkan, setitik dilautkan.* Berusahalah wahai anak bangsaku ke arah membela nasib dan menaikkan martabat anak bangsa, dan seterusnya membuktikan bahawa mahasiswa UiTM sentiasa hebat di persamaan buana.

Para graduan yang dikasihi,

Kita merupakan insan yang istimewa kerana diberi kelebihan dengan ilmu di dada. Jadi, gunakanlah setiap titisan ilmu yang diperoleh dengan sebaik-baiknya walau dalam apa juar bidang yang diceburi. Namun janganlah kita lupa akan hubungan kita dengan Penciptanya, agar menjadi insan yang lebih baik yang beramanah memakmurkan bumi untuk kebajikan alam sejagat.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai pada hari ini. Kepada para graduan sekalian, saya menyeru supaya ucaplah terima kasih kepada mereka yang telah banyak berkorban demi kejayaan kita, dan manfaatkanlah peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan.

Sentiasa tekadkan azam untuk menjadi individu yang terbaik. Kecemerlangan kita adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik. Ini kerana kekuatan tidak datang hanya dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang juga dari semangat yang tidak pernah mengalah. Semailah ilmu yang dimiliki di mana jua kita berada, kerana ilmu yang didorong dan dikendalikan oleh keringat usaha inilah yang akan menghasilkan mutiara-mutiara yang memancarkan

kejayaan untuk membantu mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara suatu hari nanti. Insya-Allah.

Pohon melati di pinggir jalan

Disiram air pagi dan petang

Ilmu dicari menjadi amalan

Itulah bekal hari mendatang

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakaaatuh.

Selamat Maju Jaya.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

10 NOVEMBER 2013 (AHAD)

SIDANG KETIGA

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB PRO-CANSELOR UiTM DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79 SIDANG KETIGA (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana diberi peluang bersama-sama berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor bagi menyempurnakan Sidang Ke-3 dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79. Istiadat Konvokesyen pada kali ini secara keseluruhannya akan melibatkan penganugerahan Ijazah serta diploma kepada seramai 29,297 orang graduan.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan sekalian. Hari ini adalah hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua. Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah saat-saat yang kita tunggu sekian lama.

Saya yakin bahawa kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga merupakan sumbangan serta pengorbanan yang dicurahkan oleh ibu bapa serta para pensyarah pada setiap

masa. Sebagai tanda penghargaan, penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibubapa serta para pensyarah, saya sukcita menjemput graduan semua untuk memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada mereka.

... Terima kasih.

Hadirin sekalian,

Pada hari ini, kita meraikan anak-anak yang berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah dalam bidang masing-masing. Saya difahamkan pada Sidang ke-3 ini menyaksikan seramai 866 orang graduan dari dua buah fakulti memperoleh ijazah masing-masing. Daripada jumlah tersebut seramai 550 orang graduan adalah dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi manakala seramai 316 orang graduan lagi dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media.

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPP) telah memainkan peranan sebagai nadi UiTM sudah lebih daripada setengah abad.

UiTM melihat jauh ke hadapan. Banyak strategi serta tindakan yang kita susun menjurus kepada menyediakan generasi graduan bangsa yang berketerampilan dan berkualiti tinggi. Kita berhasrat untuk melahirkan generasi graduan Muslim yang bakal menjadi eksekutif bumiputera yang profesional untuk pembangunan bangsa, agama dan negara.

Inilah kualiti yang ditunjukkan oleh lulusan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang kita raikan pada Sidang Ke-3 ini. Mereka ini terdiri daripada graduan yang telah menyempurnakan program-program Sarjana Muda Sains Pentadbiran, sarjana Muda Pentadbiran Korporat, dan juga Diploma Pentadbiran Awam.

Mereka bukan sahaja dibekalkan dengan maklumat dan ilmu yang berguna dalam bidang-bidang Sains Politik, Pentadbiran dan Pengurusan am, malah kemahiran serta keterampilan mereka melangkaui had-had kemahiran sosial yang tipikal. Mereka inilah juga yang akan memainkan peranan masing-masing secara tersendiri melalui penglibatan mereka dalam bidang-bidang pentadbiran umum negara, diplomatik, perundangan, serta pelbagai sektor lain yang kritikal dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Saya pasti pihak fakulti mengharapkan para graduannya menjadi pegawai, pengurus dan pemimpin yang bertanggungjawab dalam mengubah dan mempertahan integrasi polisi dalam sesebuah organisasi malahan Negara.

Kita percaya bahawa membimbing dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan mengubah mereka menjadi insan yang berguna kepada masyarakat adalah satu amalan yang suci.

Sudah terbukti bahawa pengajaran berkualiti dan bimbingan berkesan daripada tenaga pengajar adalah faktor yang penting dalam penyediaan bakat seorang insan dalam hal-hal undang-undang, polisi dan pentadbiran, di samping menggalakkan mereka mencapai kejayaan setinggi yang boleh.

Hadirin yang dimuliakan,

Bagi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) yang dikenali dengan nama pendeknya, Mass Comm ini turut cemerlang dalam pelbagai kejayaan yang telah diukir dengan melahirkan ramai golongan profesional tidak kira dalam konteks media cetak mahupun elektronik.

Barisan tenaga pengajar sentiasa berusaha memberi ruang latihan dan kemahiran di samping pengetahuan ilmiah bagi mempertingkatkan skil juga teori dalam bidang media dan

komunikasi bagi memenuhi keperluan yang dituntut oleh pihak industri.

Saya juga dimaklumkan Radio UiTM UFM kendalian fakulti ini telah melanjutkan masa siarannya sehingga jam 10 malam berbanding jam 6 petang dahulunya, bagi membolehkan maklumat-maklumat terkini mengenai aktiviti UiTM sentiasa disebarluaskan kepada para pendengar.

Kini radio kampus ini telah menjadi satu medium latihan amali bukan sahaja kepada para pelajar fakulti Komunikasi dan Pengajian Media sahaja yang ingin meneruskan karier mereka dalam bidang penyiaran, tetapi ianya juga terbuka kepada para pelajar fakulti-fakulti yang lain, antaranya Fakulti Filem, Teater dan Animasi serta Akademi Pengajian Bahasa.

Tuan-tuan Puan-puan dan graduan yang diraikan,

Sejak diasaskan seawal tahun 1956, iaitu kira-kira 57 tahun lalu, UiTM sedar bahawa memandu dan mendorong perubahan bangsa Melayu khususnya memerlukan pendekatan yang cermat, bijak dan sabar. Justeru, mengangkat martabat bangsa adalah antara tugas utama universiti ini. Sebagai sebuah badan yang diamanahkan memikul tanggungjawab untuk meningkatkan kemajuan dan pencapaian anak bangsa, pembangunan akademik menjadi keutamaan bagi jentera UiTM.

Saya faham dan sedar, sebagai sebuah universiti yang menjadi sandaran bangsa, graduan UiTM sebenarnya perlu diasuh dan dilatih untuk menjadi cekap, berhemah, berwawasan, kreatif, profesional, dan cekal dalam membangunkan industri pekerjaan.

Untuk tujuan tersebut, pelbagai kemudahan asas dan sokongan ditambah dari semasa ke semasa. Selain itu, pembangunan insan

dalam pelbagai bentuk dan cara sentiasa diutamakan demi pembangunan sahsiah graduan yang diusahakan universiti ini akan dapat menjulang nama bangsa kita di arena tempatan dan antarabangsa.

Kejayaan tidak datang bergolek. Ianya hasil daripada daya usaha yang gigih dan keyakinan yang tinggi untuk berjaya. Saya sendiri telah melihat betapa universiti ini telah maju setapak demi setapak dengan mengukir nama baik di peringkat negara mahupun di persada antarabangsa.

Ternyata, apa yang telah dilaksanakan oleh UiTM setakat ini melebihi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini. Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita.

Saya amat berbangga dengan pencapaian UiTM selama ini yang merupakan hasil titik peluh warga UiTM yang tidak pernah kenal

penat. Saya berdoa agar warga UiTM khasnya barisan tenaga pengajar akademik agar terus berusaha meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar demi memperkasa UiTM sebagai sebuah Universiti yang tersohor. Saya yakin pencapaian UiTM akan terus cemerlang dengan pimpinan jitu Naib Canselor bagi memacu kejayaan dalam melestarikan pendidikan tertiar yang berkualiti dan dinamis.

Hadirin hadirat yang dikasihi,

Satu kelebihan UiTM adalah menghasilkan para graduan yang profesional. Kelebihan inilah yang berjaya memberi peluang pekerjaan kepada para graduan UiTM di luar sana. Pihak Industri pula telah memberi pengiktirafan dan mengakui para graduan UiTM mempunyai skil dalam berbagai bentuk termasuk kemahiran multi-tasking.

Walau bagaimanapun, secara umumnya masih terdapat pihak yang beranggapan bahawa graduan dari universiti luar negara mempunyai kelebihan berbanding graduan UiTM. Ini merupakan satu cabaran yang perlu kita tangani dengan mengorak strategi untuk memastikan keterampilan graduan kita akan lebih terserlah setanding dengan graduan universiti luar.

Dikesempatan ini, saya ingin berpesan kepada para graduan UiTM agar lebih proaktif, berusaha dan bersedia mengubah sikap dan minda untuk membuktikan bahawa kaum bumiputera boleh mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing. Usaha ini secara tidak langsung akan menambah bilangan teknokrat bumiputera yang berkeupayaan, berkebolehan dan disegani. Kebolehpasaran para graduan akan menyokong iltizam pihak kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi Negara berepadatan tinggi selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Saya amat berharap semoga para graduan peka dengan cabaran mendatang dan sentiasa tekadkan azam berusaha keras, berwawasan untuk menjadi individu yang terbaik, mengenang budi, berterima kasih, dan sentiasa menyimpan niat untuk membala budi serta pengorbanan mereka yang telah banyak berjasa kepada anda semua. Aplikasikanlah segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang bagi mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni. Diharap dengan sumbangan ini, dana yang terkumpul akan terus bertambah bagi mebolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan yang sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Segenggam digunungkan, setitik dilautkan.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya, ingatkan bahawa di UiTM inilah tempatnya saudara-saudari pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

SIDANG KEEMPAT

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KEEMPAT (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama dalam satu majlis gilang-gemilang, untuk meraikan kejayaan para graduan, pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-79, bagi sidang ke-4 ini.

Pada sidang keempat ini, UiTM sekali lagi melakar kejayaan dengan menyaksikan seramai 956 orang graduan menerima ijazah dalam bidang masing-masing. Kesemua graduan pada hari ini terdiri daripada 3 buah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti Sains Sukan & Rekreasi dan graduan dari Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan.

Saya yakin para graduan semua telah bertungkus-lumus memerah otak dan keringat untuk merealisasikan pencapaian yang membanggakan ini. Tahniah saya ucapkan. Tidak dilupa juga, sekalung taniah buat para ibu bapa atas kejayaan anak tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sesungguhnya saudara-saudari yang berada dalam dewan ini pastinya tersenyum gembira, apabila berjaya keluar dengan ijazah sarjana yang membanggakan ibu dan ayah. Jerih penat mencari rezeki buat pembiayaan pelajaran anak-anak, pengorbanan, sokongan serta doa yang mengiringi adalah anugerah yang paling berharga dan harus dikenang oleh graduan sekalian. Jangan dilupa juga kepada para pensyarah yang telah memerah keringat, penat lelah meluangkan masa mencerahkan ilmu yang berguna untuk memastikan kejayaan saudara-saudari pada hari ini.

Universiti Teknologi MARA ibarat dunia kecil, yang dipenuhi dengan lubuk-lubuk ilmu pengetahuan yang berguna dalam pelbagai bidang. Dengan bekalan ilmu yang dimiliki di dunia kecil inilah, maka saudara-saudari seharusnya bijak melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberi untuk digunakan dengan sebaik mungkin di luar sana, di alam pekerjaan yang lebih mencabar.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Hari ini seramai 397 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Maklumat menerima ijazah dan diploma mereka. Graduan dari fakulti ini terdedah kepada dunia teknologi yang mengarah kepada melahirkan graduan professional yang mahir dan berpengetahuan tinggi dalam mengurus sumber maklumat.

Pengetahuan dalam bidang ini sangat penting, memandangkan dunia pada hari ini berasaskan Knowledge-Economy, yang mengibaratkan maklumat umpama mata wang dan sumber ekonomi sesebuah organisasi dan negara. Justeru pelbagai inisiatif dijalankan bagi melengkapkan para graduan dengan ilmu yang mencukupi, untuk bersaing di arena yang lebih mencabar.

Inisiatif ini dapat dilihat melalui pembangunan beberapa program baru dengan jalinan usahasama antarabangsa antara

Universiti Teknologi MARA dan universiti-universiti luar negara. Antaranya, Fakulti Pengurusan Maklumat telah menandatangani memorandum persefahaman bersama Cologne University of Applied Sciences (CUAS) dan Sukhothai Thammathirat Open University (STOU). Jalinan seumpama ini bertujuan untuk mendedahkan para graduan UiTM dengan dunia luar khususnya dalam konteks komunikasi maklumat, pendidikan, kepimpinan, yang secara tidak langsung dapat menjana kognitif para graduan supaya lebih proaktif, kreatif, inovatif dan idealisme.

Para hadirin dan graduan sekalian,

Menggenggam ijazah bukanlah satu pengakhiran pada perjalanan anda di menara gading. Ia adalah satu titik kepada permulaan yang panjang untuk anda menempuh karier dalam penghidupan anda nanti. Suka saya ingin mengingatkan, jadikanlah ijazah ini sebagai modal untuk anda memberi

kembali kepada ibu bapa dan negara. Anda adalah aset kepada masyarakat berilmu, maka tunjukkanlah diri anda yang berterima kasih dengan membantu menaikkan taraf masyarakat dengan ilmu yang telah anda perolehi. Jadikanlah program-program kemasyarakatan yang telah anda ceburi semasa di universiti sebagai panduan untuk anda terus berjasa kepada masyarakat dan negara. Tidak kiralah bidang apa yang anda ceburi, mempunyai ilmu pengetahuan dan ijazah menjadikan anda lebih baik dari sesiapa yang tidak berilmu. Saya berharap UiTM telah mendidik dan menjadikan anda semua rakyat yang berilmu dan seterusnya akan berjasa kepada agama, bangsa serta negara.

Begitu juga dengan Fakulti Sains Sukan & Rekreasi, yang pada sidang ke-4 pagi ini, menyaksikan seramai 156 orang graduannya diberi pengiktirafan atas segala usaha yang telah tunjukkan dalam memperoleh ijazah dan diploma masing-masing. Ramai graduan lulusan fakulti ini telah berjaya menjawat pelbagai jawatan sama ada di sektor kerajaan

mahupun swasta. Ini mencerminkan bahawa graduan lulusan Sains Sukan & Rekreasi tidak terhad berkhidmat di bidang sukan sahaja, malah boleh menceburi bidang lain seperti sektor pendidikan, kementerian atau jabatan kerajaan di Majlis Sukan Negara, hospital-hospital, dan organisasi media.

Seramai 403 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan turut diraikan pada pagi ini. Pembangunan akademik merupakan akar utama yang ditekankan oleh Universiti Teknologi MARA. Oleh itu, pelbagai kemudahan asas dan sokongan diperkemaskan oleh jentera pengurusan dan pentadbiran UiTM dari semasa ke semasa. Kemudahan 3 buah hotel yang sedia ada di kampus Shah Alam, kampus Cawangan Terengganu, kampus Cawangan Pulau Pinang, dan yang sedang dibina di kampus Puncak Alam, bagi melancarkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran dalam bidang hospitaliti.

Para Graduan yang dikasihi,

Tahun silih berganti, namun, UiTM sentiasa di hati. Para graduan sekalian adalah sendi dan harapan sebuah negara, kerana andalah asset pelapis warisan bangsa dan pembangunan negara. Sesebuah negara yang bergerak ke arah kemajuan adalah dibangunkan oleh cendekiawan yang lahir daripada kelompok graduan yang pintar. Justeru, galaslah tanggungjawab dan aplikasikan segala ilmu yang ada, untuk terus mencipta keunggulan dalam setiap bidang yang diceburi.

Setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik universiti dalam usaha untuk melonjak nama dan kredibiliti UiTM sebagai sebuah universiti ulung di persada dunia. Genggamlah azam menongkah arus mencipta sejuta kejayaan di lautan kerjaya yang luas terbentang di luar sana. Jagalah nama baik universiti yang kita sayangi ini kerana UiTM adalah tonggak kubu untuk kemajuan orang Melayu.

Sebagai sebuah universiti yang memperjuangkan nasib anak bangsa, UiTM terus memikul amanah untuk menaik taraf ekonomi masyarakat bumiputera melalui peningkatan ilmu pengetahuan. Perjuangan ini tidak pernah ada noktah dan penghujungnya. Oleh sebab itu, kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM.

Untuk merungkai tirai kejayaan ini, jadikanlah kecekalan, usaha gigih, sifat tidak berputus asa, serta keazaman sebagai penggerak asas dan jejak jaya dalam kembara kehidupan yang penuh dengan pancaroba. Jika kita mempunyai sikap yang positif, minda kita tentunya akan lebih terbuka kepada cetusan idea dan perspektif baru, yang dapat mendorong kita untuk membuat sesuatu pekerjaan dengan lebih inovatif. Tentunya kita akan menjadi individu yang sentiasa mahu membuat yang terbaik dalam apa juar kerjaya yang kita ceburi.

Akhir kata, saya mengingatkan kepada para graduan sekalian, perjalanan hidup ini masih jauh dan banyak rintangan dan cabaran yang perlu ditempuhi. Pupuklah kesedaran akan pentingnya mempunyai matlamat dalam lembar kehidupan dan kerjaya masing-masing. Kuatkan jati diri dan mulakan langkah seterusnya seperitimana arah tuju yang hendak dicapai. Anda mampu menjadi seorang individu yang terbaik dan berwawasan dengan ciri-ciri kepimpinan yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat, bangsa dan negara.

Dikesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai pada hari ini. Kepada para graduan sekalian, saya menyeru supaya ucaplah terima kasih kepada mereka yang telah banyak berkorban demi kejayaan anda, dan manfaatkanlah peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan. Semoga sumbangan kita ini mendapat keredhaan Yang Maha Esa, Insya-Allah.

Burung tekukur di pokok buluh

Buluh tumpat disiat-siat

Jadikan ilmu sebagai penyuluhan

Penerang jalan dunia akhirat

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

SIDANG KELIMA

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79
SIDANG KELIMA (PETANG)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-79, bagi sidang yang kelima ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 884 orang graduan dari Fakulti Pendidikan, Akademi Pengajian Bahasa dan Fakulti Undang-Undang kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempar pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Saya juga mengambil peluang ini untuk menyatakan rasa gembira saya melihat ibu bapa tersenyum girang tatkala melihat anak-anak mereka menerima skrol ijazah dan diploma masing-masing. Saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat yang kita tunggu-tunggu sekian lama. Sesungguhnya kejayaan anak-anak ini adalah hasil daripada usaha dan ketekunan mereka dengan diiringi oleh doa dan

sokongan daripada ibu bapa serta bantuan para pensyarah yang tanpa rasa jemu mencerahkan ilmu. Tentunya anak-anak serta ibu bapa berbangga dan berbesar hati kerana dapat mengharungi perjuangan ini sehingga berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Hari ini seramai 421 orang graduan dari Fakulti Pendidikan menerima ijazah dan diploma mereka. Graduan dari fakulti ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang keguruan. Ini semua diasaskan melalui kurikulum pendidikan yang telah diolah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelajar dan bukan lagi terbatas kepada guru-guru.

Justeru kurikulum tersebut lebih fleksibel dan dinamik. Semoga semua ilmu dan pengalaman yang diperolehi oleh graduan daripada Fakulti Pendidikan akan diamalkan dengan baik

dengan penuh beretika demi membangun masyarakat, bangsa dan negara agar lebih berdaya saing dan maju di mata dunia.

Manakala Akademi Pengajian Bahasa pula telah melahirkan ramai graduan yang disifatkan terbaik, terutama dari segi kemahiran penguasaan bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa-bahasa asing. Sehubungan itu, sejajar dengan langkah UiTM mewajibkan pelajar mengikuti pelajaran bahasa ketiga, Akademi Pengajian Bahasa telah melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyediakan graduan dengan penguasaan bahasa ini dengan harapan untuk menambah nilai kebolehpasaran para graduan di samping dapat menghadapi cabaran sebenar di dunia luar yang penuh dengan persaingan.

Kepada graduan dari Fakulti Undang-Undang, saudara-saudari seharusnya berbangga kerana fakulti saudara-saudari adalah antara fakulti yang terbaik di negara ini. Kita harus berterima kasih kepada warga pendidik fakulti, yang telah berusaha tanpa

mengenal penat lelah dalam menaikkan nama fakulti ke peringkat yang ada sekarang.

Graduan sekalian,

Saudara-saudari haruslah sedar bahawa hasil kejayaan saudara-saudari ini tidak akan dikecapi jika bukan kerana tertubuhnya UiTM. UiTM ditubuhkan bagi memastikan nasib dan masa depan kaum bumiputera akan terus terjamin. Objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat bumiputera. Oleh sebab itu, kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM. Berpeganglah kepada prinsip “UiTM Sentiasa Dihatiku”.

UiTM adalah sebahagian daripada agenda nasional untuk mengangkat martabat bangsa kita. Sehingga kini, UiTM telah berjaya merealisasikan sebahagian besar daripada agenda ini

dengan melahirkan profesional dan usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Bagi merealisasikan hasrat ini, kaum bumiputera perlu meletakkan sasaran untuk memperolehi pencapaian yang seimbang dengan pencapaian kaum-kaum lain di Malaysia.

Untuk mencapai sasaran ini, kaum bumiputera perlu mengubah paradigma dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama kita untuk bergerak seiring dengan bangsa-bangsa lain. Keluar dan terokalah peluang-peluang pekerjaan yang banyak di luar sana. Malah kita juga boleh mencipta kerja dengan ilmu yang kita miliki. Ingatlah wahai para graduan sekalian, UiTM telah membekalkan kita dengan ilmu keusahawanan yang membolehkan kita mencipta peluang-peluang pekerjaan.

Graduan yang dikasihi,

Hari ini bermulalah langkah perjalanan saudara-saudari ke suatu tahap yang lebih tinggi, capailah seberapa yang boleh.

Namun, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan.

Akhir sekali, jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, beriltizam dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan hulurkanlah bantuan untuk meneruskan tradisi gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Hadirin yang saya hormati,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-saudari semua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi. Sekalung tahniah diucapkan kepada Akademi Pengajian Bahasa, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Undang-Undang yang telah berjaya mengeluarkan graduan cemerlang pada hari ini.

Limau purut masak di Linggi

Angkut dulu jangan rugi

Kalau hidup hendak terpuji

Menuntut ilmu jangan berhenti

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

12 NOVEMBER 2013 (SELASA)

SIDANG KEENAM

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KEENAM (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-79, bagi sidang yang keenam ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 984 orang graduan dari 2 fakulti iaitu Fakulti Perladangan & Agroteknologi dan Fakulti Sains computer & Matematik kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan majlis yang ditunggu tunggu oleh para graduan, ibu bapa dan waris, serta para pensyarah dan pentadbir Universiti. Para ibu bapalah yang sewajarnya menjadi insan pertama bergembira kerana

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-79, bagi sidang yang keenam ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 984 orang graduan dari 2 fakulti iaitu Fakulti Perladangan & Agroteknologi dan Fakulti Sains computer & Matematik kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan majlis yang ditunggu tunggu oleh para graduan, ibu bapa dan waris, serta para pensyarah dan pentadbir Universiti. Para ibu bapalah yang sewajarnya menjadi insan pertama bergembira kerana

pengorbanan yang tidak terukur peritannya dalam usaha membesar dan mendidik anak sehingga berjaya sampai ke tahap ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pagi ini menyaksikan seramai 235 orang graduan dari Fakulti Perladangan & Agroteknologi menerima ijazah dan diploma mereka. Graduan dari fakulti ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang pertanian dan perladangan.

Sepanjang tempoh lebih 46 tahun wujudnya program perladangan, lebih 11,000 orang graduan yang lahir dari fakulti ini telah berjaya diterima berkhidmat di pelbagai sektor kerajaan dan swasta. UiTM merupakan institusi pengajian tinggi pertama yang memperkenalkan kursus berasaskan perladangan yang hingga ke hari ini terus kekal mendapat pengiktirafan dari syarikat-syarikat

perladangan terulung di Malaysia seperti Sime Darby, Tradewind, IOI, KLK, Felda Plantation, Tabung Haji Plantation dan Sarawak Plantation.

Selain menerokai sektor perladangan, ada di antara mereka yang berjaya sebagai usahawan sendiri, penyelidik di institusi penyelidikan berasaskan pertanian seperti LGM, MPOB dan Lembaga Koko Malaysia, MARDI dan berkhidmat dengan bank-bank, tidak kurang hebat dengan graduan yang kembali ke UiTM menyambung tugas sebagai pendidik anak bangsa.

Fakulti ini juga cuba memenuhi aspirasi UiTM dan juga negara melalui pelbagai momentum akademik, penyelidikan dan juga pembangunan pelajar. Semoga semua ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada Fakulti Perladangan & Agroteknologi akan diamalkan dengan baik dan penuh etika demi membangun industri, masyarakat, bangsa dan negara agar lebih berdaya saing dan maju di mata dunia.

Hadirin sidang dewan yang dimuliakan,

Saya beralih pula kepada, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) mempunyai lebih daripada 12,000 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di seluruh kampus UiTM.

Dalam mengembang dan meneroka sempadan ilmu, UiTM tidak lari daripada falsafah penubuhannya sebagai sebuah universiti komprehensif yang menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran. Semua kurikulum pengajaran di UiTM khususnya Fakulti Sains Komputer & Matematik mengarah kepada melahirkan seorang insan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, tetapi dapat menggunakan ilmu tersebut bagi menambah nilai kepada tugas kerja yang diceburi. Segala ilmu yang diperoleh mampu membentuk insan yang

bertanggungjawab selain dapat menyumbang kepada perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat sejagat.

Di samping memberi perhatian kepada pengajaran, UiTM juga menitikberatkan aspek penyelidikan, penerbitan, perundingan dan inovasi dalam diri setiap generasi graduan. UiTM telah meningkatkan prestasi graduan dengan melibatkan diri dalam medium-medium inovasi dan rekacipta, yang meningkatkan jumlah penerbitan berindeks dan berimpak, di samping menjalin kolaborasi antarabangsa dan berkongsi kepakaran dengan industri, agensi kerajaan serta institusi masyarakat.

Graduan yang dikasihi,

Sebagai sebuah universiti yang memperjuangkan nasib anak bangsa, UiTM terus memikul amanah untuk menaik taraf ekonomi masyarakat bumiputera melalui peningkatan ilmu pengetahuan. Perjuangan ini tidak pernah ada noktah dan penghujungnya.

Kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM. Kemajuan bangsa akan membawa kepada kemajuan negara.

Saudara-saudari bertuah kerana dapat menimba ilmu selama 3 hingga 4 tahun di universiti yang terbesar dan merupakan kebanggaan negara. UiTM telah cuba memberi ilmu dan memupuk keperibadian yang murni. Maka, manfaatkanlah segala ilmu yang dipelajari dan pengalaman dilalui di universiti ini, dengan baik dan beretika.

Untuk mengubah destini pada masa akan datang, saudara-saudari perlu mengubah paradigma dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama kaum bumiputera untuk bergerak seiring dengan bangsa-bangsa lain. Keluar dan terokalah peluang-peluang pekerjaan yang banyak di luar sana. Malah kita juga boleh mencipta kerja dengan ilmu yang kita miliki.

Namun, ingatlah wahai graduan sekalian, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Usaha anak yang baik dan pengorbanan ibu bapa yang bertanggungjawab, jika tidak didukung oleh bakaran semangat cinta akan anak bangsa oleh para pensyarah dan pentadbir universiti, barangkali tiada majlis meraikan anak-anak kita pada hari yang bahagia ini. Curahan ilmu dan keprihatinan mereka sesungguhnya tidak terbalas dengan hanya kata-kata dan tutur bicara. Penat lelah dan kerisauan mereka menunggu saat-saat lahirnya pembina dan penyambung warisan bangsa.

Akhir kata, saya berharap saudara-saudari akan terus mempamerkan citra UiTM dan sentiasa menjaga nama baiknya.

Teruskan tradisi gemilang UiTM. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima ijazah dan diploma pada sidang konvokesyen ini dan berdoa semoga saudara-saudari akan terus cemerlang dan berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Fakulti Perladangan & Agroteknologi dan Fakulti Sains Komputer & Matematik yang telah berjaya mengeluarkan graduan cemerlang pada hari ini. Saya akhiri ucapan ini dengan dua rangkap pantun,

Seribu bunga indah berkembang,
Harum semerbak memaut rasa;
Ilmu pengetahuan luas terbentang,
Dari bumi sampai ke angkasa.

Haluan sarat banyak muatan,
Nampak cahaya batu karang;
Tuan ibarat permata intan,
Di mana tercampak di situ terang.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

12 NOVEMBER 2013 (SELASA)

SIDANG KETUJUH

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KETUJUH (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu dalam Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-79.

Pada majlis yang penuh gilang-gemilang ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, tahniah dan syabas kepada para graduan dari Fakulti Pergigian, Fakulti Perubatan dan Fakulti Sains Kesihatan kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Penganugerahan Ijazah ini merupakan satu pengiktirafan terhadap mutu pencapaian akademik para graduan untuk menabur bakti kepada masyarakat mengikut bidang masing-masing.

Kejayaan para graduan memperoleh Ijazah dan Diploma pada hari ini bukanlah semata-mata kejayaan peribadi, tetapi juga merupakan kejayaan ibu bapa, kaum keluarga, guru-guru dan barisan pensyarah anda. Panjatkanlah kesyukuran kepada Allah

swt dan berterima kasihlah kepada mereka yang telah banyak berjasa, yang menjadi tulang belakang disebalik kejayaan yang anda kecapi pada hari ini.

Hadirin sidang dewan sekalian,

Sidang ke-7 pada petang ini menyaksikan seramai 876 orang graduan dari tiga buah fakulti iaitu graduan dari fakulti pergigian, fakulti perubatan dan fakulti sains kesihatan. Berdasarkan jumlah keseluruhan graduan pada sidang ke-7 kali ini, 23 orang terdiri daripada graduan fakulti pergigian, 185 orang graduan fakulti perubatan dan 668 graduan fakulti sains kesihatan. Saya yakin dengan jumlah graduan seramai ini merupakan satu kebanggaan kepada universiti ini dan Negara kerana generasi graduan inilah yang akan mengisi kekosongan jawatan-jawatan penting dalam sektor kesihatan awam dan swasta.

Untuk makluman, Fakulti Pergigian ditubuhkan pada Mei 2006 dan mula mengambil kumpulan pelajar pergigian pertamanya

seramai 30 orang. Pihak universiti dan fakulti sedang giat menambah bilangan pensyarah dan staf sokongan seiring dengan penyediaan prasarana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan lengkap.

Tahun ini merupakan tahun ketiga fakulti ini melahirkan doktor pergigian seramai 23 orang. Selain daripada Program Sarjana Pembedahan Pergigian, fakulti juga telah menawarkan program di peringkat sarjana dan kedoktoran (PhD). Seramai lima orang graduan sarjana pergigian telah dilahirkan dalam Istiadat Konvokesyen yang lalu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam usaha memantapkan kurikulum dan pengendalian kaedah pengajaran serta pembelajaran, pelbagai jalinan hubungan kerjasama telah dimeterai dengan beberapa pihak luar.

Hubungan ini bukan sahaja berbentuk ilmiah, malahan usahasama dalam bidang penyelidikan dan latihan kepakaran.

Fakulti juga sudah memulakan inisiatif awal untuk mengadakan kerjasama dengan New York University, Amerika Syarikat bagi tujuan latihan pelajar pascasiswazah dan ‘sub-speciality training’, University of Maryland bagi tujuan penyelidikan herbalogi, Noorul Islam University, India untuk latihan pensyarah dalam bidang Kanser Mulut dan University of Medina, Arab Saudi, untuk jalinan usahasama bagi penyelidikan kesihatan secara Islam.

Fakulti juga melaksanakan program khidmat kesihatan (Outreach Program) pergigian masyarakat. Program ini direalisasikan dengan adanya klinik bergerak yang dikenali sebagai “Mobile Dental Clinic (MDC)” mulai tahun 2011 yang dikendalikan oleh pensyarah dan staf klinikal Fakulti Pergigian.

Bukan sekadar penyediaan khidmat nasihat dan rawatan kesihatan mulut, MDC juga melibatkan penyertaan pelajar sebagai sebahagian daripada keperluan latihan klinikal. Sejak mula beroperasi, perkhidmatan MDC telah melakukan siri perkhidmatan ke 13 buah kampus UiTM di Semenanjung Malaysia dan telah memberi perkhidmatan kepada lebih 5000 orang pesakit.

Para Hadirin sekalian,

Pada sidang kali ini, Fakulti Perubatan telah melahirkan seramai 185 orang graduan yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya. Dalam tempoh 10 tahun sejak penubuhannya, jumlah graduan yang dilahirkan oleh Fakulti Perubatan adalah seramai 621 orang. Perkara yang lebih membanggakan adalah daripada 6 kumpulan graduan fakulti ini, 3 orang graduan terbaik fakulti telah merangkul Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor iaitu masing-masing pada tahun 2009, 2010 dan 2012.

Kejayaan ini membuktikan bahawa sistem pengajaran dan pembelajaran di fakulti perubatan berjaya menghasilkan graduan yang seimbang dari segi ilmu, penampilan dan kemahiran insaniah. Aspek ini sangat menepati kehendak falsafah kurikulum perubatan UiTM iaitu “Solid Scientific Foundation Imbued with Strong Humanistic Values”. Dengan bertambahnya pembangunan prasarana yang moden dan lengkap, kemudian disertai dengan jumlah pensyarah yang semakin meningkat, dapat memastikan proses pengajaran pembelajaran berjalan dengan lebih pesat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kejayaan dan kecemerlangan Fakulti Sains Kesihatan pula terserlah apabila pada petang ini membariskan seramai 668 orang graduan dari Fakulti Sains Kesihatan (FSK) yang menerima Ijazah Sarjana Muda dan Diploma masing-masing.

Fakulti Sains Kesihatan telah mengorak langkah secara proaktif untuk mengembangkan peranannya dengan memberi penekanan dalam bidang akademik dan bukan akademik. Setiap program yang dijalankan mendapat pengiktirafan akreditasi dari Malaysian Qualification Agency (MQA) dan badan-badan Profesional yang berkaitan. Malahan, terdapat juga program yang berjaya mendapat pengiktirafan dari badan profesional antarabangsa seperti Society and College of Radiographers.

Tidak ketinggalan, aktiviti perundingan di peringkat nasional dan antarabangsa serta aktiviti dalam bidang penyelidikan, turut dititikberatkan dan menjadi nadi utama dalam menempatkan semua program bagi fakulti ini menjadi lebih mantap. Inisiatif ini adalah sebagai salah satu langkah untuk mempertingkatkan daya saing graduan terutamanya, di peringkat global mengikut peredaran teknologi dan pengetahuan terkini.

Pelbagai program telah dilakukan untuk melahirkan individu warga UiTM yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga individu yang mempunyai nilai jati diri dan modal insan yang tinggi. Dalam diri setiap graduan disemai dengan sifat nilai-nilai murni dan nilai kemasyarakatan melalui medium yang bersifat pendidikan. Program “Jom Check Mata”, yang menggunakan kemudahan ‘Klinik Mata Bergerak’ merupakan salah satu contoh kejayaan inovasi dalam pengajaran yang juga mampu menyalurkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat. Program sebegini mampu untuk memberi pendedahan dan mendekatkan diri graduan dengan dunia.

Tuan-tuan, puan-paun dan graduan yang dikasihi,

Pengiktirafan yang diterima oleh UiTM di peringkat antarabangsa telah membuktikan bahawa UiTM setanding dengan universiti terkemuka lain di dunia terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Justeru, perkara utama yang sangat ditekankan adalah

melahirkan profesional dalam bidang perkhidmatan kesihatan yang mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Untuk merealisasikan matlamat ini, pelbagai usaha dirancang dan dilaksanakan seperti pendidikan dan latihan dari segi prasarana dan kurikulum serta mengintergrasi kurikulum sedia ada dengan kemahiran klinikal yang berkualiti serta berterusan.

Selain itu, kerjasama Fakulti dengan menjalinkan usahasama dengan pelbagai kementerian dan agensi sama ada kerajaan dan swasta dari segi penempatan latihan para pelajar adalah sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui kerjasama industri, perjanjian persefahaman, dan sebagainya. Semua elemen ini akan menjurus kepada perkembangan pelajar bagi menghasilkan graduan yang mahir, cekap, berilmu dan mampu bersaing diperingkat global sejajar dengan hasrat meletakkan UiTM di peta dunia.

Pada hari ini, saya juga mengharapkan seramai 876 orang pemegang ijazah sarjana muda dan diploma, akan terus mencipta keunggulan dalam setiap bidang yang diceburi. Hanya usaha, tekad dan semangat yang kuat akan memimpin anda ke arah kemajuan yang ingin anda kecapi. Insya-Allah.

Akhir kata, saya ingin berpesan kepada graduan UiTM semua, genggamlah azam menongkah arus mencipta sejuta kejayaan di lautan kerjaya yang luas terbentang di luar sana. Jagalah nama baik universiti yang kita sayangi ini kerana UiTM adalah tonggak kubu untuk kemajuan orang Melayu dan bumiputera. Setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik universiti dalam usaha untuk melonjak nama dan kredibiliti UiTM di peta dunia.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaaatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

13 NOVEMBER 2013 (RABU)

SIDANG KELAPAN

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KELAPAN (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, dapatlah kita bersama-sama berkumpul di Dewan Agong Tuanku Canselor ini, untuk menyaksikan satu majlis yang penuh bermakna. Sidang ke-8 Istiadat Konvokesyen Ke-79 UiTM yang istimewa ini, meraikan seramai 975 orang graduan dari Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur dan Fakulti Farmasi.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada para graduan kerana berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas-pulas di UiTM. Saya juga mengambil peluang ini untuk menyatakan rasa gembira saya melihat ibu bapa tersenyum girang tatkala melihat anak-anak mereka menerima skrol ijazah dan diploma masing-masing.

Saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat yang kita tunggu-tunggu sekian lama. Sesungguhnya kejayaan

anak-anak ini adalah hasil daripada usaha dan ketekunan mereka dengan diiringi oleh doa dan sokongan daripada ibu bapa serta bantuan para pensyarah yang tanpa rasa jemu mencerahkan ilmu. Tentunya anak-anak serta ibu bapa berbangga dan berbesar hati kerana dapat mengharungi perjuangan ini sehingga berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Sidang hadirin yang dimuliakan,

Graduan dari Fakulti Seni bina, Perancangan dan Ukur (FSPU) ini mewakili sepuluh bidang program pengajian berkenaan alam bina. Bidang-bidang ini saling melengkapi antara satu sama lain dan menjadikan UiTM sebagai pusat pengajian alam bina yang paling menyeluruh di Malaysia. Bilangan graduan hari ini memenuhi matlamat asal penubuhan fakulti ini, agar meningkatkan bilangan graduan bumiputera profesional dalam bidang alam bina. Turut membanggakan apabila semua bidang

pengajian di fakulti ini diiktiraf oleh badan-badan akreditasi berkaitan di dalam dan juga luar negara.

Pelbagai kaedah telah diambil sebagai strategi untuk memperluas dan memperkasa bidang-bidang pengajian di Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur. Pusat-pusat Kecemerlangan gigih bekerjasama dengan rakan sejawat di dalam negara dan seberang laut. Siri konferensi antarabangsa diusaha bersama, antaranya di Cairo, Bangkok, Hanoi, London dan akan datang, di Magdeburg, Germany. Barisan pensyarah dan gabungan pelajar-pelajar juga secara aktif membentang hasil kajian di dalam dan luar negara.

Matlamat Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur ialah untuk menghasilkan graduan yang bermutu tinggi yang menjadi rebutan dan buruan pihak majikan. Bagi memenuhi hasrat ini, kerjasama fakulti dengan pihak luar sangat ditekankan. Para alumni Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur sendiri kembali ke fakulti

berkongsi kepakaran mereka. Mereka berbakti sebagai Pemeriksa Luar, Panel Kritik dan Penceramah Jemputan. Mereka juga membuka peluang Latihan Praktikal di firma masing-masing selain memberi peluang pekerjaan kepada pelajar. Semua usaha ini dibuat agar dapat memberi pendedahan yang terbaik kepada bakal graduan Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur.

Dorongan terhadap pembangunan graduan yang bermutu tinggi turut digarap melalui penglibatan di dalam pertandingan di luar UiTM. Pelbagai kejayaan membanggakan telah dicatatkan dan diraih sepanjang tahun ini. Malahan saya yakin, lebih banyak kemenangan akan dicipta oleh fakulti menjelang akhir tahun 2013 ini.

Setiap kejayaan yang dicipta, sama ada ketika masih belajar atau setelah bekerja kelak, menjadi sumbangan yang sangat bernilai kepada universiti dan fakulti. Sememangnya kita mengharapkan

semua graduan pada hari ini akan terus mencipta nama dalam kerjaya masing-masing.

Kejayaan-kejayaan ini dicapai melalui semangat jitu warga Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur, dalam usaha untuk merealisasikan sepenuhnya potensi diri dan menaikkan nama universiti. Semangat kental inilah yang harus ada dalam diri setiap graduan yang ada dalam dewan ini. Semoga penyatuan matlamat dan bersatu hati seumpama ini menjadi tauladan ke arah keunggulan UiTM di mata dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Matlamat asal penubuhan Fakulti Farmasi di UiTM pada tahun 2001 adalah untuk mengeluarkan lebih ramai graduan farmasi bumiputera profesional. Walaupun dianggap masih baru, pencapaian bilangan graduan yang dihasilkan sangat

membanggakan. UiTM adalah antara penyumbang utama kepada bilangan ahli farmasi khususnya bumiputera di Malaysia.

Pendedahan kepada modul-modul pemasaran, ekonomi dan perniagaan, selain kemahiran pembuatan, pemasaran dan perkhidmatan industri, menambah kecenderungan graduan farmasi untuk menceburi bidang perniagaan dan industri farmaseutikal. Ramai graduan yang ingin membuka kedai farmasi sendiri. Perkembangan ini akan memberi hak pendispensan ('dispensing rights') kepada ahli farmasi apabila bilangan retail farmasi bertambah. Perkara ini selaras dengan hasrat pihak Fakulti Farmasi melahirkan graduannya yang berpotensi untuk menjadi usahawan.

Jaringan kerjasama Fakulti Farmasi dengan industri kesihatan, di sektor kerajaan dan swasta telah lama wujud. Kerjasama Syarikat Pharmaniaga dan CCM telah membantu dari segi sudut latihan

untuk para pelajar serta kajian berkaitan teknologi farmaseutik yang akan dapat mengeluarkan produk yang berinovatif.

Sebagai ahli farmasi, nilai-nilai profesional seperti jujur dan integriti yang tinggi perlu dipupuk dalam diri bagi memastikan keberkesanan rawatan dan keselamatan pesakit diutamakan. Ahli farmasi perlu memenuhi ekspektasi Lembaga Farmasi Malaysia. Sikap prihatin, “sympathy” dan “empathy” adalah sifat-sifat murni yang perlu, terutamanya apabila menjalankan tugas farmasi. Setiap insan perlu diberi perkhidmatan terbaik tanpa mengira asal-usul, umur atau bangsa.

Objektif utama Fakulti Farmasi adalah menjalinkan perhubungan bakti dengan masyarakat sama ada di bandar maupun desa. Yang dijalankan oleh graduan farmasi UiTM memberi impak yang berkesan dalam suasana masyarakat memerlukan perkhidmatan rawatan.

Graduan yang dikasihi sekalian,

Saudara-saudari haruslah sedar bahawa hasil kejayaan saudara-saudari ini tidak akan dikecapi jika bukan kerana tertubuhnya UiTM. UiTM ditubuhkan bagi memastikan nasib dan masa depan kaum bumiputera akan terus terjamin. Objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat bumiputera. Oleh sebab itu, kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM. Berpeganglah kepada prinsip “UiTM Sentiasa Dihatiku”.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga universiti yang selama ini telah memenuhi tanggungjawab dalam pendidikan dan pengurusan dalam mencapai matlamat negara, UiTM, ibu bapa dan graduan. Tanpa mereka, pencapaian UiTM tidak akan menjadi sehebat

yang dikehendaki sekarang. Terima kasih yang tidak terhingga warga khidmat UiTM.

Beradanya para graduan di sini pada hari ini adalah hasil didikan, doa dan sokongan padu kaum keluarga terutama sekali kedua ibu bapa. Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan.

Sebagai tanda penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibubapa serta para pensyarah, saya sukacita menjemput graduan semua untuk memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada mereka.

... Terima kasih.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada para graduan dalam apa jua kerjaya yang diceburi.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidaayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

13 NOVEMBER 2013 (RABU)

SIDANG KESEMBILAN

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KESEMBILAN (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, dapat kita bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-79.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 852 orang graduan dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, serta Fakulti Muzik kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Disini izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana usaha dan iltizam saudara-saudari yang bersungguh-sungguh terhadap bidang program masing-masing sejak menjadi pelajar UiTM. Usaha gigih dan komitmen ini telah mendorong saudara saudari untuk akhirnya berjaya menerima Diploma dan Ijazah pada hari yang bersejarah ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para ibu-bapa graduan yang hadir bersama-sama pada hari ini. Saya percaya kejayaan saudara-saudari semua tentunya telah dirangi dengan doa restu dan sokongan daripada mereka.

Para Hadirin sekalian,

Istiadat konvokesyen UiTM ke-79 sidang ke-9 pada petang ini menyaksikan seramai 396 orang graduan dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) menerima Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian). Pengajian dalam bidang Seni Lukis dan Seni Reka hari ini adalah jauh beza jika dibandingkan dengan pengajian yang telah dikendalikan pada masa lampau.

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA telah melalui anjakan yang begitu progresif dan inovatif dalam bidang ini, bagi menentukan graduan yang dihasilkan berdaya saing. Di peringkat permulaan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

sememangnya menekankan Seni Lukis sebagai hasil curahan cita rasa dari perspektif pereka dan pelukis itu sendiri, dengan menggunakan media karya yang berupa garis, bidang, warna, tekstur, volume dan ruang dalam dua dan tiga dimensi. Coretan idea yang dihasilkan pula dalam pelbagai bentuk menurut gaya atau corak aliran serta kemampuan pelukis dan pereka sama ada karya yang dihasilkan itu dekoratif mahupun ekspresif.

Kini, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA memainkan peranan penting dalam masyarakat kita terutama peranannya untuk memastikan graduan lulusan UiTM berupaya mengikuti perkembangan pesat yang semakin mencabar, dalam dunia komersil bidang kreatif, merangkumi aspek-aspek sosial, ekonomi, sains dan budaya.

Sejak penubuhannya 46 tahun yang lalu, selaku institusi terunggul negara yang menawarkan program-program dalam bidang Seni Lukis dan Seni reka, yang beroperasi di 6 buah

negeri. Sebahagian pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dari program Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Grafik serta Program Ijazah Sarjana Muda Fotomedia Kreatif telah pun berada di Kampus UiTM Puncak Alam. Bangunan rasmi fakulti ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap dengan kelengkapan sepenuhnya pada penghujung tahun 2015.

Para graduan dan ibu bapa sekalian,

Kata peribahasa Melayu, untuk melentur buluh biarlah daripada rebungnya, itulah ungkapan yang sering didengari oleh masyarakat umum. Begitu juga halnya dengan membangunkan Fakulti Filem, Teater dan Animasi, yang pada hari ini menyaksikan 86 orang graduan menerima Diploma dan 108 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda. Ini bererti rebung telah menjadi buluh yang sesuai untuk digunakan dalam pelbagai bidang tertentu.

Industri media khususnya bidang perfileman, teater, animasi, penulisan kreatif dan pengurusan seni adalah bidang sangat penting dalam menyuntik ekonomi negara dan sekali gus mendukung cita-cita negara. Sumbangannya tidak boleh dipandang kecil kerana memberi manfaat pekerjaan yang menyeluruh. Industri ini bukan hanya hiburan semata-mata, tetapi mencorak pelbagai kehidupan masyarakat melalui medium televisyen, radio, filem, media cetak dan lain-lain.

Sidang dewan yang dihormati,

Industri seni menjadi satu komoditi yang sangat berpengaruh untuk menjana ekonomi negara. Di sinilah nilai pendidikan, pengajaran diasimilasi secara halus bagi universiti dan para graduan menyuntik dan mencapai kecemerlangan tersendiri. Fakulti ini menerima Medal Gangsa sempena 17 World Championship of Performing Arts in Hollywood, USA. Selain itu

pihak fakulti berjaya membawa masuk sebanyak 50 agensi syarikat dalam industri hiburan, dengan menandatangani perjanjian bersama, yang secara tidak langsung memberi latihan dan peluang pekerjaan kepada graduan fakulti ini.

Barisan tenaga akademiknya juga terus menyumbang ke arah kecemerlangan menaikkan nama universiti ini. Antaranya, Anugerah Akademik Negara kepada Prof. Madya A. Razak Mohaideen kerana kecemerlangannya menerusi industri perfilman negara dalam bidang akademik.

Fakulti juga melakar sejarah apabila menerima pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records melalui beberapa aktiviti yang dijalankan, seperti mentranskripsi 40 buah filem Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, Ahli Akademi yang paling banyak menghasilkan filem, dan Audiens yang paling ramai menyaksikan persembahan teater musical Tan Sri Arshad Ayob di DATC serta Konsert Simplysiti Dato Siti Nurhaliza.

Sesungguhnya, semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa kesungguhan semua pihak serta keberkatan dan kerahmatan Allah S.W.T. Saya percaya fakulti ini akan terus berkembang dan menerangi bidang akademik zaman-berzaman.

Para hadirin yang dihormati,

Fakulti Muzik di Universiti Teknologi MARA telah berkembang pesat dengan penawaran kursus Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik Komposisi (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik Persembahan (Kepujian), semenjak penubuhannya pada tahun 1984. Selain program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma, Fakulti Muzik telah menambah program pasca ijazahnya dengan menawarkan Ijazah Sarjana Seni Muzik (secara penyelidikan) dan Ijazah Kedoktoran Muzik (secara penyelidikan).

Para pelajar dan tenaga pengajar aktif melibatkan diri dalam pelbagai bidang seperti penghasilan album, komposer, penerbit album, pengubah lagu dan pengurus muzik professional, dalam pelbagai organisasi seperti Petronas, Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO), Orkestra Simfoni Kebangsaan (Istana Budaya), RTM, DBKL, MBSA, Polis DiRaja Malaysia, Syarikat-syarikat Rakaman seperti EMI dan WARNA MUZIK, Kementerian Pelajaran Malaysia, serta agensi-agensi lain.

Lebih membanggakan, kecemerlangan mahasiswa serta barisan tenaga pengajar melakar kejayaan di persada antarabangsa. Pelajar-pelajar dan para pensyarah fakulti muzik telah berjaya membuat persembahan di Festival Gamelan Yogyakarta Ke-17 dan Festival Malioboro Yogyakarta di Indonesia, serta di University Of Cambridge Dan University Of Middlesex United Kingdom.

Kerjasama fakulti muzik Universiti Teknologi MARA dengan industri muzik tanah air amat mengalakkan dengan penglibatan

aktif pensyarah, alumni dan para pelajarnya dalam majlis berprestij seperti Anugerah Juara Lagu TV3, Anugerah Industri Muzik (AIM), Anugerah Bintang Popular Berita Harian, Akademi Fantasia ASTRO dan One In A Million NTV7.

Para Graduan yang dikasihi,

UiTM ditubuhkan bagi memastikan nasib dan masa depan kaum bumiputera akan terus terjamin. Objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat bumiputera. Oleh sebab itu, kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM.

Untuk mencapai sasaran ini, kaum bumiputera perlu mengubah paradigma dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama kita untuk bergerak seiring dengan bangsa-bangsa lain. Keluar dan terokalah peluang-peluang pekerjaan yang banyak di luar

sana. Malah kita juga boleh mencipta kerja dengan ilmu yang kita miliki. Ingatlah wahai para graduan sekalian, UiTM telah membekalkan kita dengan ilmu keusahawanan yang membolehkan kita mencipta peluang-peluang pekerjaan.

Hari ini bermulalah langkah perjalanan saudara-saudari ke suatu tahap yang lebih tinggi, capailah seberapa yang boleh. Namun, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik saudara-saudari. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Filem, Teater dan Animasi serta Fakulti Muzik atas kejayaan yang saudara saudari kecapi pada hari ini. Saya berdoa semoga saudara-saudari semua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wasalamualaikum

Waramatullahhi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

16 NOVEMBER 2013 (SABTU)

SIDANG KESEPULUH

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KESEPULUH (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, dapat kita bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-79 ini.

Pada hari yang sungguh bermakna ini, iaitu sidang ke-10 menyaksikan seramai 974 orang graduan dari Fakulti Perakaunan (FP) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) akan menerima ijazah sarjana muda dan diploma masing-masing, sebagai pengiktirafan setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kini, para graduan sebenarnya telah mengurniakan satu hadiah yang tidak ternilai kepada ibu bapa, barisan

pensyarah dan guru-guru di sekolah saudara-saudari dahulu, dengan membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka selama ini, akhirnya, membawa hasil yang memberikan harapan untuk suatu kehidupan yang terjamin dan cemerlang pada masa hadapan, Insya-Allah.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada ibu bapa, para pensyarah dan guru-guru kerana usaha, pengorbanan dan jasa yang tuan-tuan dan puan-puan hulurkan selama ini, telah terbukti tidak sia-sia.

Hadirin warga dewan yang dikasihi,

Fakulti Perakaunan merupakan salah satu fakulti tertua dan terbesar di UiTM. Setiap tahun Fakulti Perakaunan UiTM mengeluarkan secara purata 2,400 orang graduan di setiap peringkat diploma sehingga ke profesional. Graduan sarjana

muda dan ACCA (Association of Chartered Certified Accountants) yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun layak untuk memohon keahlian penuh dengan Malaysian Institute of Accountants (MIA) yang membolehkan mereka digelar Chartered Accountants. Jelas menunjukkan bahawa UiTM merupakan penyumbang terbesar kepada keahlian ini berbanding universiti tempatan yang lain.

Para graduan sarjana muda, jangan berhenti di sini, teruskanlah usaha dan kejayaan anda sehingga mengukir nama ke peringkat profesional. Penganugerahan “Platinum Status” daripada ACCA dan “Quality Partner” daripada CIMA membuktikan kualiti program profesional yang dijalankan di UiTM adalah bertaraf dunia. Fakulti juga ingin mengucapkan tahniah kepada Siti Aisah binti Kamarulzaman, salah seorang graduan ACCA-UiTm pada hari ini, yang telah dianugerahkan “Top Malaysian Affiliate” (Anugerah Graduan

Terbaik ACCA) dengan mendapat markah kumalatif tertinggi bagi 5 kertas ACCA di tahap profesional di Malaysia dan ketujuh teratas di dunia.

Para hadirin sekalian.

Fakulti juga telah memupuk usaha untuk menyemai minat terhadap profesion perakaunan daripada akar umbi pendidikan di sekolah-sekolah. Bersama-sama CIMA (Chartered Institute of Management Accountants) pihak fakulti telah menganjurkan "Malaysian Junior Apprentice Project" dan CIMA-UiTm Teachers' Conference pada tahun ini.

CIMA-UiTm Teachers' Conference adalah platform perkongsian kepakaran di antara guru-guru sekolah, pihak industri dan Fakulti Perakaunan. Manakala, Malaysian Junior

Apprentice Project” adalah pertandingan yang boleh mencetuskan dan memupuk budaya keusahawanan pelajar-pelajar sekolah menengah. Ini penting bagi menanamkan minat dan memilih profesion perakaunan sebagai kerjaya pilihan pada masa akan depan.

Selaras untuk menyahut saranan kerajaan Malaysia yang mensasarkan Malaysia diiktiraf sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi tahun 2020, tonggak utama yang perlu ada dalam setiap rakyat Malaysia adalah budaya keusahawanan. Bangsa yang berjaya membudayakan semangat keusahawanan adalah bangsa yang berjaya meletakkan diri mereka di satu takuk kemajuan ke hadapan.

Mengikut statistik MIA (Malaysia Institute of Accountants) terkini, terdapat 2,122 firma perakaunan berdaftar dengan MIA, tetapi sayangnya hanya 247 daripadanya adalah firma bumiputera. Oleh itu sebagai sebuah badan yang diberi

tanggungjawab untuk membantu meningkatkan kualiti pelajar Melayu dan bumiputera bagi membolehkan mereka menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, UiTM mengorak langkah bersama jentera universiti mencipta landasan, melahirkan generasi graduan anak bangsa yang berkebolehan, berdaya saing, dan mempunyai kemahiran profesional untuk mengisi ruang pekerjaan dan keusahawanan setanding dengan bangsa lain.

Wahai graduan sekalian, rebutlah peluang menjadi usahawan bumiputera yang berjaya, sahutlah cabaran untuk menubuhkan firma perakaunan anda sendiri demi kelangsungan bangsa kita. Benteng perjuangan ini telah mengangkat taraf pendidikan anak bangsa khususnya bumiputera ke satu takuk yang lebih tinggi.

Hadirin sidang dewan yang dihormati,

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah memainkan peranan sebagai sebahagian daripada nadi UiTM. FKM adalah antara fakulti cemerlang yang sentiasa meningkatkan kualiti pengajarannya bagi melahirkan graduan yang berkualiti tinggi.

Saya dimaklumkan FKM banyak menyediakan aktiviti-aktiviti seperti pertandingan rekacipta, sesi ceramah kerjaya dari industri, kursus-kursus bersijil, program bertemu industri dan banyak lagi yang tujuannya tidak lain tidak bukan, bagi mendekati industri, seterusnya menyediakan graduan mengikut keperluan industri masa kini.

Bermula dengan penubuhan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal di Shah Alam, FKM kini sudah dan akan berada di empat

buah negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, yang terbaru di Terengganu dan akan datang di Johor. Jumlah graduan UiTM dalam bidang ini mencecah hampir 20,000 orang. Secara tidak langsung, menunjukkan peratusan graduan FKM UiTM adalah yang besar di kalangan jurutera-jurutera mekanikal di Malaysia. Dan hari ini, kita akan menyaksikan seramai 347 orang pelajar lagi bakal bergelar graduan UiTM.

Dengan pembangunan teknologi yang sangat pesat, peluang perkerjaan bagi graduan dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada era ini sangatlah meluas sekali. Jika dahulunya bidang ini sinonim menjurus kepada pekerjaan dalam bidang automotif dan machinery, kini ia telah terbuka luas dalam bidang-bidang seperti Oil & Gas, elektrikal, penyelenggaraan bangunan & sistem, pengangkutan, pengurusan fasiliti dan banyak lagi.

FKM telah melahirkan ramai graduan dan jurutera yang serba boleh dalam organisasi sama ada di dalam maupun luar negara. Barisan graduan fakulti ini, telah memegang pelbagai jawatan antaranya sebagai Jurutera profesional, usahawan berjaya, Managing Director, CEO, Pensyarah, Pegawai penyelidik dan banyak lagi dalam sektor kerajaan maupun swasta. Ini membuktikan bahawa graduan yang lahir daripada produk UiTM berkebolehan untuk menerajui tampuk dunia kerjaya.

Tuan-tuan, puan-puan dan graduan sekalian,

Sesungguhnya UiTM bukan sahaja mahu melahirkan individu berkerjaya, bahkan anda semualah yang akan menjadi bakal pemimpin negara kita. Jadilah insan-insan yang bertanggungjawab serta dapat mengubah nasib anak bangsa kita, membangunkan negara serta mempunyai impak

di mana sahaja berada. Amalkanlah sikap integriti, kreatif, inovatif, jadilah pekerja berhemah serta amanah dalam melakukan tanggungjawab yang bakal diberikan kelak, kerana anda merupakan mutiara yang akan menjadi warisan pelapis bangsa dan negara.

Kepada para graduan sekalian, hari ini adalah titik bermulanya perjalanan saudara-saudari dalam mengorak langkah kehidupan sebenar. Capailah setinggi mana pun impian dan kejayaan yang anda inginkan. Walau bagaimanapun, dalam menelusuri setiap bibit kejayaan, janganlah sesekali anda lupa akan pengorbanan ibu bapa, kaum keluarga, guru-guru, para pensyarah dan institusi ini, yang telah banyak membimbing, memberi sokongan, peluang dan ruang sehingga anda menggenggam segunung kejayaan kini.

Akhir kata, aplikasikanlah segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang bagi mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara. Sebagai tanda penghargaan, penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibu bapa serta para pensyarah, saya sukacita menjemput graduan semua untuk memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada mereka.

... Terima kasih.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakaaatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

16 NOVEMBER 2013 (SABTU)

SIDANG KESEBELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KESEBELAS (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Selamat
Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Istiadat Konvokesyen ke-79.

Hadirin sekalian,

Pada petang yang berbahagia ini, dalam sidang ke-11 Istiadat Konvokesyen ke-79, kita meraikan seramai 913 orang graduan dari Fakulti Perakaunan telah berjaya menamatkan pengajian mereka di UiTM. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada saudara-saudari serta ahli keluarga semua.

Kejayaan yang dikecapi ini adalah hasil usaha serta komitmen yang padu daripada para graduan dan juga diiringi sokongan dan

doa dari tuan-tuan puan-puan sekalian. UiTM mengucapkan terima kasih di atas komitmen tuan-puan dalam memastikan para graduan berjaya menerima pengiktirafan ini.

Barisan graduan ini tidak mungkin akan berjaya tanpa pengorbanan dan sokongan daripada anda semua. Para graduan sekalian, hargailah pengorbanan ibu bapa anda. Kenanglah jasa mereka dan iringilah mereka dengan doa sebagai seorang anak.

Kejayaan ini juga dirai bersama oleh semua warga UiTM yang begitu dedikasi untuk memastikan saudara-saudari dapat menimba ilmu dalam suasana persekitaran yang kondusif dan penuh kesarjanaan. Mereka tidak mengharapkan apa-apa balasan daripada anda, melainkan ingin melihat kejayaan anda.

Tuan-tuan puan-puan warga dewan yang dikasihi,

Fakulti Perakaunan, merupakan salah satu fakulti yang terawal di UiTM yang mempunyai objektif untuk menghasilkan lebih ramai akauntan bumiputera dalam memenuhi kehendak ekonomi negara yang semakin berkembang pesat. Sehingga kini, bilangan graduan yang dilahirkan dari Fakulti Perakaunan telah menjangkau jumlah 50,000 orang merangkumi peringkat Sarjana, Profesional, Sarjana Muda dan Diploma.

Pencapaian ini dicapai berdasarkan perancangan strategik yang telah dibuat sejajar dengan visi dan misi UiTM. Untuk merealisasikan perancangan ini, penekanan khusus diberi kepada penamaikan berterusan yang mengambil kira struktur dan kandungan silibus, mod pengajaran dan pembelajaran yang inovatif.

Di samping itu, pengecualian dan akreditasi yang diberi oleh badan-badan profesional dalam dan luar Negara, dijadikan penanda aras untuk menentukan graduan yang dikeluarkan mempunyai daya saing, berkebolehan dan kebolehpasaran yang tinggi.

Kepada para graduan, janganlah berhenti menimba ilmu. Teruskan usaha dan semangat untuk menyambung pengajian sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke peringkat Sarjana Muda dan seterusnya terus ke peringkat professional.

Kelayakan dan kemahiran yang tinggi akan membolehkan anda bersaing dan sentiasa menjadi yang pertama dalam alam pekerjaan dunia industri di luar sana kelak. Oleh itu, jadikanlah UiTM umpama dunia kecil yang penuh dengan lubuk ilmu, dalam usaha anda meniti titian kejayaan.

Para graduan yang dikasihi sekalian,

Kelayakan profesional dalam bidang perakaunan menjadi salah satu platform bagi meningkatkan lagi mutu dan daya saing tenaga kerja. Dunia kerjaya anda lebih terbentang luas dengan adanya kelayakan profesional yang membolehkan anda menerokai alam kerjaya sehingga peringkat global.

Sehingga kini, hanya 5% sahaja daripada ahli penuh MIA (“Malaysian Institute of Accountants”) terdiri daripada akauntan bumiputera yang mempunyai kelayakan profesional. Oleh itu, menjadi tanggungjawab para graduan sekalian untuk berusaha memperbaiki keadaan ini, demi meningkatkan taraf hidup dan kelangsungan bangsa kita.

Di sini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai betapa pentingnya sikap dan pembawaan diri dalam mencorak lakaran hidup supaya saudara-saudari dapat melalui masa depan yang

boleh membawa kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan. Para graduan sekalian, kita sering kali tidak menyedari akan perihal pentingnya sikap seseorang individu dalam mempengaruhi kehidupan masing-masing.

Sidang hadirin warga dewan sekalian,

Untuk merungkai tirai kejayaan, jadikanlah kecekalan, usaha gigih, sifat tidak berputus asa, serta keazaman sebagai penggerak asas dan jejak jaya dalam kembara kehidupan yang penuh dengan pancaroba. Sentiasalah melihat sesuatu krisis itu sebagai peluang untuk menerokai benda baru dan bukan sesuatu yang negatif.

Jika kita mempunyai sikap yang positif, minda kita tentunya akan lebih terbuka kepada cetusan idea dan perspektif baru, yang dapat mendorong kita untuk membuat sesuatu pekerjaan dengan lebih inovatif. Tentunya kita akan menjadi individu yang

sentiasa mahu membuat yang terbaik dalam apa jua kerjaya yang kita ceburi.

Akhir kata, saya mengingatkan kepada para graduan sekalian, perjalanan hidup ini masih jauh dan banyak rintangan dan cabaran yang perlu ditempuhi. Pupuklah kesedaran akan pentingnya mempunyai matlamat dalam lembar kehidupan dan kerjaya masing-masing. Kuatkan jati diri dan mulakan langkah seterusnya seperintama arah tuju yang hendak dicapai. Anda mampu menjadi seorang individu yang terbaik dan berwawasan dengan ciri-ciri kepimpinan yang dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat, bangsa dan negara.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakaatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

17 NOVEMBER 2013 (AHAD)

SIDANG KEDUA BELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KEDUA BELAS (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Senyum dan salam menjadi amalan,

Budaya dan adat kita pertahan.

Bertahun menempuh liku dugaan,

Kini tiba hari penganugerahan.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kerana dengan kurnia dan rahmat dari-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam dewan yang menjadi kebanggaan warga Universiti Teknologi MARA ini, Dewan Agong Tuanku Canselor, untuk meraikan Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-79.

Dengan penuh rasa bangga, saya mengalu-alukan kedatangan anda sekalian serta turut merasa bahagia dengan kejayaan anak-anak kita, para graduan yang diraikan pada hari ini. Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah, bukan sahaja kepada para graduan, tetapi juga sekalung tahniah yang tiada

terhingga, ingin saya utuskan buat ayahanda dan bonda serta penjaga para graduan.

Saya yakin bahawa tanpa doa dan restu dari insan-insan keramat ini, tidak akan berkatlah segala usaha dan jerih perih para graduan sekalian selama ini. Dengan pengorbanan dan kasih sayang mereka, maka para graduan sekalian mampu menempa kejayaan dan mengukir sejarah penganugerahan ini pada hari ini.

Fikirkanlah sejenak, tiada insan-insan keramat ini maka tiadalah kita. Hari ini bukanlah hari kemenangan pengorbanan anda menempuh segala kesulitan semasa tempoh pengajian sahaja, tetapi juga merupakan kemuncak suatu pengorbanan dari ibu bapa dan penjaga anda, yang tidak pernah putus berusaha dan berdoa serta mengharapkan sebuah kejayaan demi kesenangan dan keselesaan anda suatu hari nanti.

Atas kesedaran ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian untuk berdiri dan lihatlah wajah insan-insan yang telah banyak berkorban demi kejayaan anda. Berikan mereka tepukan yang paling gemuruh atas kejayaan anda pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada hari yang sungguh bermakna ini, dalam sidang ke-12 Istiadat Konvokesyen Ke-79 bakal menyaksikan seramai 946 orang graduan menerima ijazah sarjana muda masing-masing. Kesemua mereka merupakan graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Selama lebih dari setengah abad, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM telah memainkan peranan sebagai penggerak yang membawa dan menjulang nama UiTM di pentas dunia. Fakulti Pengurusan Perniagaan banyak melakar kejayaan dan peristiwa-peristiwa yang membanggakan UiTM melalui daya usaha, para

pentadbir, barisan pendidik dan kakitangan malah mahasiswa fakulti ini sendiri.

Kini, Fakulti Pengurusan Perniagaan ini dengan bangganya telah dinobatkan sebagai sebuah fakulti yang terbesar di UiTM. Bukan itu sahaja, Fakulti Pengurusan Perniagaan ini juga merupakan sebuah fakulti perniagaan yang terbesar di Malaysia dengan jumlah pelajar melebihi 50,000 orang. Saya juga difahamkan, jumlah alumni dari fakulti ini juga telah mencecah angka 60,000 orang sehingga kini.

Melalui fakta ini, dapatlah disimpulkan bahawa para alumni fakulti yang terbesar ini, boleh dijejaki hampir di setiap organisasi di luar sana. Ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan fakulti dan universiti kerana mampu melahirkan produk UiTM yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dalam memegang jawatan sama ada di sektor awam maupun swasta. Jelaslah,

Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan bangsa dan Negara.

Hadirin warga dewan yang dikasihi,

Usaha demi usaha telah dilakukan oleh para pentadbir, barisan pendidik serta kakitangan fakulti ini adalah demi memastikan mahasiswa fakulti ini mendapat segala peluang dan pengalaman yang terbaik sepanjang tempoh mereka berada bersama fakulti.

Langkah-langkah proaktif, untuk menyediakan graduan yang berdaya saing dalam persekitaran sejagat yang sangat kompetitif, sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Inilah amanah yang kami junjung bagi melahirkan tokoh akademik dan pelajar yang berdaya saing dan dihormati bukan sahaja di peringkat tempatan malah mampu bersinar di persada dunia.

Kami sentiasa yakin seseorang mahasiswa itu, apabila mereka terdidik baik dengan ilmu pengetahuan serta dilengkapi pula

dengan pelbagai kemahiran insaniah yang sempurna secara mental dan fizikal dengan izin-Nya, maka mereka akan menjadi orang yang berjaya tidak kira di mana jua mereka akan ditempatkan kelak. *Bak kata pepatah, benih yang baik, dicampak ke darat, menjadi gunung, dicampak ke laut menjadi pulau.*

Generasi graduan yang kita raikan pada hari ini, merupakan teras perubahan dalam arena perniagaan di luar sana kelak. Marilah kita sama-sama mendoakan kejayaan mereka di alam kerjayanya. Mereka inilah pemangkin dan peneraju pembangunan ekonomi bumiputera pada masa hadapan, selaras dengan agenda UiTM untuk mengangkat martabat anak bangsa bumiputera.

Menerusi UiTM, kita telah berjaya merealisasikan sebahagian daripada agenda universiti mengangkat martabat bangsa, dengan melahirkan usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya dan

mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam kancah keusahawanan di luar sana.

Para graduan yang diraikan,

Mainkanlah peranan anda semua apabila berada di luar sana nanti. Garaplah segala pengetahuan yang anda perolehi di lubuk ilmu ini, demi kebaikan bangsa khususnya dan masyarakat sejagat umumnya. Sedarlah akan tanggungjawab yang anda pikul terhadap hasrat UiTM untuk menyatupadukan bangsa bumiputera, sebaik anda keluar dari lubuk ilmu ini dengan mempertaruhkan genggaman segulung ijazah.

Janganlah anda gentar menghadapi segala kemungkinan di alam pekerjaan di luar sana. Jadikanlah gulungan ijazah yang anda perolehi sebagai taruhan untuk anda sentiasa maju ke hadapan dalam segala bidang yang diceburi. Seorang usahawan yang

sejati tidak gentar menghadapi sebarang risiko atau permasalahan.

Peganglah ilmu dan amal yang telah dibekalkan oleh UiTM kepada anda. Cekalkan hati dan teruslah berusaha demi kejayaan bangsa dan negara. Yakinlah bahawa doa kami semua sentiasa mengiringi setiap langkah anda mengorak langkah mendaki puncak kejayaan dalam legasi pekerjaan untuk kejayaan anda di dunia dan akhirat.

Semoga ilmu, kejayaan dan kehidupan anda akan menjadi lebih berkat dan memberi seribu manfaat kepada masyarakat umum di luar sana. Diharapkan juga, status alumni yang bakal diisyiharkan dalam sidang ini nanti akan terus mengikat hati dan jiwa anda untuk terus bersama memacu kejayaan UiTM hendaknya.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah yang tidak terhingga kepada semua graduan atas kejayaan yang yang sangat membanggakan ini. Usaha dan komitmen serta pengorbanan insan-insan keramat, serta sumbangan daripada semua pihak yang telah membolehkan UiTM mencapai tahap kecemerlangan dalam kelasnya yang tersendiri pada hari ini. Semoga sumbangan dan peranan yang kita lakukan ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala jua, InsyaAllah.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

17 NOVEMBER 2013 (AHAD)

SIDANG KETIGA BELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KETIGA BELAS (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Gadis manis menganyam mengkuang,

Tekun menganyam sehingga petang.

Ayahanda dan bonda selamat datang,

Merai kejayaan anakanda ditatang.

Pertama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada Yang Maha Esa atas kesempatan yang dikurniakan kepada kita semua, maka dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam dewan yang menjadi kebanggaan warga Universiti Teknologi MARA ini, Dewan Agong Tuanku Canselor, untuk meraikan Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-79.

Selamat datang ke Universiti Teknologi MARA saya ucapkan kepada para tetamu, ibu bapa dan penjaga para graduan yang diraikan pada hari ini. Sesungguhnya aura kebahagiaan atas kejayaan para graduan jelas terpancar dari setiap raut wajah

yang saya lihat di dalam dewan ini. Alhamdulillah. Inilah manisnya sebuah kejayaan.

Untuk makluman semua, Majlis Konvokesyen ke-79 pada petang sidang ke-13 ini, bakal menyaksikan seramai 1006 orang graduan menerima ijazah sarjana muda masing-masing. Kesemua mereka merupakan graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan yang terdiri dari 7 buah program yang berbeza.

Graduan yang diraikan,

Saya pasti, hari ini adalah hari yang sangat-sangat dinantikan bukan sahaja oleh para graduan setelah berhempas pulas menamatkan pengajian selama lebih kurang 3 tahun. Malah lebih dari itu, ibu bapa dan penjaga serta kaum keluarga para graduan juga turut mendambakan diri hadir ke majlis yang gilang-gemilang ini.

Justeru, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan atas kejayaan anda pada hari ini. Ini adalah bukti sebuah usaha hasil semaihan setiap titisan keringat, tenaga, dan air mata yang tiada tolok bandingnya. Senyuman yang terukir di bibir para graduan adalah umpama tuaian benih hasil buah-buah kejayaan yang sangat manis dan bermakna.

Walau bagaimanapun, ingatlah wahai graduan sekalian, kejayaan anda pada hari ini tidak mungkin dikecapi tanpa tadahan tangantangan mulia ibu bapa dan para penjaga anda, memanjatkan doa kepada Allah memohon dipermudahkan segala usaha anda. Begitulah hebatnya pengorbanan ibu bapa dan para penjaga serta tulusya kasih mereka yang ingin melihat kejayaan dan kebahagian anak-anak mereka.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para ibu bapa dan penjaga yang hebat yang tidak henti-henti memberi sokongan, semangat dan pengorbanan demi

kejayaan dan kecemerlangan graduan sekalian. Ibu bapalah yang sewajarnya diraikan atas anugerah Allah ini, dek kerana pengorbanan mereka yang tidak terukur keperitannya dalam membesarakan serta mendidik anak-anak yang hebat seperti anda.

Sebagai tanda penghargaan, penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibu bapa serta para pensyarah, saya sukacita menjemput graduan semua untuk memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada mereka.

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang dihormati,

Fakulti Pengurusan Perniagaan merupakan antara fakulti yang terawal yang dibina di UiTM dengan tertubuhnya Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) pada tahun 1956.

Selama lebih dari 56 tahun, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM telah memainkan peranan sebagai penggerak yang membawa

dan menjulang nama UiTM di mata dunia. Sehingga kini, Fakulti Pengurusan Perniagaan banyak melakar kejayaan dan peristiwa-peristiwa yang membanggakan UiTM melalui daya usaha, para pentadbir, pendidik, kakitangan malah mahasiswa fakulti ini sendiri.

Kini, Fakulti Pengurusan Perniagaan ini dengan bangganya telah dinobatkan sebagai sebuah fakulti yang terbesar di UiTM. Bukan itu sahaja, Fakulti Pengurusan Perniagaan ini juga merupakan sebuah fakulti perniagaan yang terbesar di Malaysia dengan jumlah pelajar melebihi 50,000 orang. Saya juga difahamkan, jumlah alumni dari fakulti ini juga telah mencecah angka 60,000 orang sehingga kini.

Fakulti ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan dan pembangunan Negara. Bagi mendukung peranan tersebut, fakulti telah menawarkan program-program

yang sejajar dengan keperluan dan kehendak komuniti perniagaan yang sentiasa berkembang pesat.

Sesuatu yang amat membanggakan adalah, para alumni fakulti perniagaan terbesar di Malaysia ini, mampu untuk menjawat posisi yang tinggi dan penting, bukan sahaja di dalam sektor awam malahan di sektor swasta dalam dan luar negara. Jelaslah, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan bangsa dan Negara.

Para Graduan sekalian,

Curahan ilmu dan keprihatinan para pensyarah tidak terbalas dengan hanya kata-kata. Kesungguhan mereka mendidik dan membentuk pembina dan penyambung warisan bangsa, wajar diingati dan dinilai seberat pahala di sisi Yang Maha Esa. Para pensyarah telah menabur budi dan bakti bagi memastikan

kejayaan anda semua. Jadi wajarlah jasa mereka juga turut dikenang sebagai salah satu faktor kejayaan dalam hidup anda semua pada hari ini.

Kesanggupan anda menempuh segala duri dan ranjau sepanjang bergelar mahasiswa, seharusnya mampu menjadi platform untuk anda mengembangkan jati diri ini di luar sana. Apatah lagi anda semua terdidik dalam sebuah bidang yang sangat mencabar, iaitu bidang perniagaan. Sebuah bidang yang penuh dengan risiko dan kebarangkalian.

Justeru, anda tidak perlu menanti peluang pekerjaan tercipta untuk anda. Ambillah peluang dan sebarang kemungkinan untuk mencipta ruang pekerjaan dan kebahagiaan untuk orang lain di luar sana. Janganlah merasa gentar untuk menghadapi sebarang kemungkinan di luar sana. Yakinlah anda seorang yang hebat dan mampu berjaya sebagai seorang usahawan bumiputera yang menjadi kebanggaan UiTM.

Sidang dewan yang dimuliakan,

UiTM adalah sebahagian daripada agenda nasional untuk mengangkat martabat bangsa kita. Sehingga kini, UiTM telah berjaya merealisasikan sebahagian besar daripada agenda ini dengan melahirkan graduan profesional dan usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, anda semua menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya, ingatlah bahawa di UiTM inilah tempatnya anda pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan. Jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, beriltizam dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan hulurkanlah bantuan untuk

meneruskan tradisi gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Akhir kata, saya ingin berpesan kepada graduan UiTM semua, genggamlah azam menongkah arus mencipta sejuta kejayaan di lautan kerjaya yang luas terbentang di luar sana. Jagalah nama baik universiti yang kita sayangi ini kerana UiTM adalah tonggak kubu untuk kemajuan orang Melayu. Setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik universiti dalam usaha untuk melonjak nama dan kredibiliti UiTM di peta dunia.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

18 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

SIDANG KEEMPAT BELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KEEMPAT BELAS (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita berpeluang meraikan para graduan dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-79, yang menjadi amalan tradisi dunia akademik di universiti pada hari ini. Saya bersyukur dan teruja kerana Istiadat Konvokesyen ke-79 pada kali ini, melahirkan seramai 29,297 orang graduan secara keseluruhannya.

Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan majlis yang ditunggu-tunggu oleh para graduan, ibu bapa dan penjaga, serta para pensyarah dan pentadbir universiti. Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan serta ibu bapa yang hadir pada hari ini.

Para ibu bapalah yang sewajarnya menjadi insan pertama menerima anugerah Allah ini, atas pengorbanan yang tidak

terukur keperitannya dalam usaha membesarkan dan mendidik anak-anak sehingga berupaya sampai ke tahap ini.

Sebagai tanda penghormatan dan terima kasih kepada semua ibu bapa, penjaga dan barisan penggerak kemajuan para graduan, saya memohon agar semua graduan berdiri, dan seterusnya memberikan tepukan hormat yang paling gemuruh kepada mereka sebagai tanda mengenang jasa dan budi.

Para hadirin sekalian,

Pada pagi yang mulia ini, kita akan sama-sama menyaksikan seramai 949 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) menerima ijazah dan diploma mereka. Graduan dari fakulti ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang perniagaan. Ini semua diasaskan melalui kurikulum pendidikan dan kokurikulum yang telah diolah untuk memenuhi keperluan dan kehendak dunia industri yang kian mencabar kini.

Fakulti Pengurusan Perniagaan juga telah memainkan peranan penting dalam pembangunan bangsa dan Negara, melalui pelbagai program yang mampu memberikan ilmu untuk para graduan supaya lebih berdaya saing dalam menerajui teras pembangunan ekonomi bumiputera.

Selaras untuk menyahut saranan kerajaan Malaysia yang mensasarkan Malaysia diiktiraf sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi tahun 2020, tonggak utama yang perlu ada dalam setiap rakyat Malaysia adalah budaya keusahawanan. Bangsa yang berjaya membudayakan semangat keusahawanan adalah bangsa yang berjaya meletakkan diri mereka sentiasa maju ke hadapan.

Justeru, sebagai sebuah badan yang diberi tanggungjawab untuk membantu meningkatkan kualiti pelajar Melayu dan bumiputera bagi membolehkan mereka menguasai ilmu pengetahuan dalam

pelbagai bidang khususnya perniagaan dan keusahawanan, UiTM mengorak langkah bersama jentera universiti mencipta landasan, melahirkan generasi graduan anak bangsa yang berkebolehan, berdaya saing, dan mempunyai kemahiran profesional untuk mengisi ruang pekerjaan dan keusahawanan setanding dengan bangsa lain.

Para Graduan yang dikasihi,

Rebutlah peluang menjadi usahawan bumiputera yang berjaya, sahutlah cabaran untuk menubuhkan firma perniagaan anda sendiri demi kelangsungan bangsa kita. Benteng perjuangan ini telah mengangkat taraf pendidikan anak bangsa khususnya bumiputera ke satu takuk yang lebih tinggi.

Menjadi orang yang berilmu merupakan anugerah yang tiada tolok bandingnya. Bukan semua insan yang dicipta berupaya

merenangi lautan cabaran yang terbentang untuk sampai ke syurga ilmu yang tiada tepinya. Hanya golongan yang bersemangat waja dan berjiwa kental dapat mencecahkan kaki ke pantai sucinya.

Oleh sebab itu, para graduan sekalian, yang menjadi pilihan antara jutaan manusia, bertanggungjawab menunjukkan bukti kepada masyarakat bahawa, saudara-saudari ialah permata terpilih, yang tinggi kualiti diri dan budi, pintar memanfaatkan pengetahuan, berdaya tahan menghadapi saingan kawan dan lawan, berdaya juang dalam gelap dan terang, serta mahir menginovasi apabila diberi kepercayaan, diuji dan dipuji.

Sedarlah wahai para graduan, bahawa anda adalah antara pemimpin dan peneraju yang bakal mencorak pembangunan negara. Sebagai siswazah yang lahir daripada produk UiTM, pilihlah untuk menjadi peneraju cemerlang yang bukan calang, pilihlah untuk menjadi pembina bangsa gemilang, yang tiada

galang, dan pilihlah untuk menjadi pembangun negara terbilang, yang disegani dan dihormati orang. Harapan Negara untuk berada di persada persaingan dunia terletak di bahu anda. Para graduan sekalianlah penggalas harapan kemajuan Negara pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Langkah kejayaan anak-anak bangsa bermula dengan penubuhan UiTM. UiTM adalah sebahagian daripada agenda untuk mengangkat bangsa kita menjadi bangsa yang bermartabat. Setakat ini UiTM telah berjaya merealisasikan sebahagian daripada agenda ini dengan melahirkan usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Selaras dengan Program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, kerajaan meletakkan sasaran untuk Meningkatkan enrolmen

pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) kepada 250,000 menjelang 2020. Kita amat berbangga kerana UiTM telah menjadi sebahagian agenda dan strategi kerajaan dalam program tersebut. Justeru, seluruh warga UiTM berjanji akan memikul amanah yang telah diberikan ini dengan sebaik-baiknya.

Langkah-langkah proaktif, untuk menyediakan graduan yang sedia bersaing dalam persekitaran sejagat yang sangat kompleks lagi kompetitif, sedang dan akan sentiasa dilaksana dari semasa ke semasa, tanpa mengira berapa jumlah yang datang bertandang, dan mempersoalkan siapa, serta dari mana asal-usul anak didik yang diserahkan untuk dididiknya.

Inilah amanah yang kami junjung bagi melahirkan tokoh akademik dan pelajar yang dihormati, bukan sahaja di peringkat tempatan malah mampu bersinar di persada dunia. Kami sedar, untuk terus relevan dan menyumbang secara berkesan terhadap pendidikan dan penyediaan tenaga kerja yang bertaraf dunia, UiTM mahupun

Fakulti Pengurusan Perniagaan tidak mahu ketinggalan dalam evolusi global dunia ilmu.

Sidang dewan yang dimuliakan,

Dikesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai ini. Usaha dan komitmen serta pengorbanan ibu bapa, penjaga dan semua pihak yang bukan sedikit telah membolehkan UiTM mencapai tahap kecemerlangannya pada hari ini. Sentiasalah berusaha untuk menjadi yang terbaik dan jangan lupa untuk menabur budi dan bakti walau ke mana pun anda pergi.

Capailah setinggi mana pun impian dan kejayaan yang anda inginkan. Walau bagaimanapun, dalam mengorak langkah menelusuri setiap bibit kejayaan, janganlah sesekali anda lupa akan pengorbanan ibu bapa, kaum keluarga, guru-guru, para pensyarah dan institusi ini, yang telah banyak membimbing,

memberi sokongan, peluang dan ruang sehingga anda menggenggam segunung kejayaan kini.

Akhir kata, saya amat berharap para graduan akan mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari dengan sebaik-baiknya, untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang bagi mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

18 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

SIDANG KELIMA BELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KELIMA BELAS (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-79, bagi sidang yang kelima belas ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 1,045 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan titik permulaan bagi anda untuk menabur bakti dan berbudi kepada kedua ibu bapa, kaum keluarga, agama, bangsa dan juga Negara. Syabas dan tahniah juga kepada semua ibubapa dan kaum keluarga atas usaha, pengorbanan, sokongan dan

dorongan yang diberikan kepada anak-anak ini sehingga berjaya melakar sejarah peribadi dalam hidup mereka. Kepada para graduan siapalah anda tanpa ibu dan bapa serta ahli keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan anda semua.

Para hadirin yang saya hormati,

Fakulti Pengurusan Perniagaan adalah fakulti terawal UiTM dengan tertubuhnya Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) pada tahun 1956. Fakulti ini merupakan fakulti terbesar di Malaysia dengan menyenaraikan 50,000 orang pelajar dan kira-kira 60,000 orang alumni yang dilahirkan.

Fakulti ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembinaan Negara dan untuk menepati peranan itu, pelbagai program telah ditawarkan oleh fakulti ini, sejajar dengan keperluan komuniti perniagaan yang sentiasa berkembang pesat.

Visi Fakulti Pengurusan Perniagaan adalah menjadi sebuah

fakulti yang mampu bersaing dan dikenali kerana khidmat profesional yang diberikan dalam bidang pendidikan, latihan, dan kosultansi.

Saya yakin barisan pihak fakulti menaruh harapan yang tinggi kepada para graduan untuk mendukung visi ini. Malah, kami juga berharap agar graduan yang menjadi alumni fakulti ini, dapat menjaga nama baik fakulti dan menyerlah dalam apa jua bidang yang diceburi. Para akademik telah menabur budi dan bakti bagi memastikan kejayaan anda semua. Jadi wajarlah jasa mereka dikenang sebagai salah satu faktor kejayaan dalam hidup anda semua.

Para graduan yang diraikan,

Hari ini anda telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Walau bagaimanapun, anda perlu sedar bahawa ianya adalah permulaan baru dalam hidup anda. Di sinilah titik

tolak kepada kejayaan-kejayaan seterusnya dalam hidup anda. Saudara-saudari sekalian bertuah kerana dapat menimba ilmu di universiti yang merupakan ikon identiti bangsa bumiputera.

UiTM telah melalui beberapa fasa perubahan dan pertukaran nama iaitu bermula dari Dewan Latehan RIDA, Maktab MARA, Institut Teknologi MARA dan akhirnya Universiti Teknologi MARA, namun, objektif dan matlamat penubuhannya masih kekal ke hari ini iaitu untuk mempertingkat dan menentu jamin keutuhan status sosioekonomi bumiputera.

UiTM dulu dan kini, pada usia yang menjangkau lebih 50 tahun sudah cukup matang untuk terus unggul dan mampu melahirkan graduan yang berkualiti serta dapat bersaing di pasaran industri dan kerjaya. Saya berharap agar UiTM tetap mampu mempertahankan objektif asal penubuhannya dan dapat mengekalkan kemantapan, kejayaan serta kecemerlangan sebagai sebuah institusi pendidikan yang dapat melahirkan

graduan berkualiti demi untuk memenuhi keperluan pembangunan sesebuah negara seperti Malaysia yang telah memasuki era globalisasi.

Para graduan yang dikasihi,

Kita telah cuba memberi ilmu dan memupuk keperibadian yang murni dalam diri setiap individu produk UiTM. Segala yang dipelajari dan dialami di sini hendaklah diamalkan dengan baik dan beretika demi membangun masyarakat, bangsa dan negara.

Walaupun anda lahir dari fakulti yang mempunyai bilangan pelajar paling ramai di Malaysia, UiTM dan pihak fakulti tetap komited dalam melahirkan graduan berpengetahuan, berkemahiran, semangat jati diri, patriotik dan bersyukur.

UiTM tidak berkompromi dalam menghasilkan produk yang berkualiti kualiti, lantas berusaha keras bagi melahirkan para graduan yang kreatif, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif dan

analitikal. Saudara-saudari didedahkan dengan lebih rasional, terbuka, patriotik, berpandangan jauh dan mempunyai ketahanan mental serta fizikal yang mampu membawa saudara-saudari untuk terus mara ke hadapan.

Para graduan, anda perlu ingat bahawa untuk menghadapi cabaran getir dalam pasaran pekerjaan, anda perlu berdikari dan berdaya saing serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran pengurusan yang tinggi. Sebagai lulusan UiTM, anda perlu menjaga nama baik diri dan institusi bagi membuktikan kebolehan serta kemahiran berkomunikasi dan kualiti perkhidmatan dalam sektor pekerjaan yang diceburi.

UiTM berusaha membantu mempertingkatkan kemahiran insaniah mahasiswa, dalam membina serta mencapai kebolehpasaran generasi yang lahir daripada produk UiTM. Kerjasama dan jaringan industri yang terjalin disebalik program-program yang melibatkan fakulti ini, menjadi platform rangkaian

kepada mahasiswa untuk menjadi buruan industri dan mengisi pasaran kerja yang kian mencabar kini. Imej dan kredibiliti UiTM akan tetap unggul dan kekal dalam aspek ini, jika semua pelajar dapat menghayati visi dan misi universiti.

Keluar dan terokalah peluang-peluang pekerjaan yang banyak di luar sana. Malah kita juga boleh mencipta kerja dengan ilmu yang kita miliki. Namun, ingatlah wahai graduan sekalian, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Tuan-tuan, puan-puan dan graduan sekalian,

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai pada hari ini. Kepada para graduan sekalian, saya menyeru supaya

ucaplah terima kasih kepada mereka yang telah banyak berkorban demi kejayaan kita, dan manfaatkanlah peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan.

Sentiasa tekadkan azam untuk menjadi individu yang terbaik. Kecemerlangan kita adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik. Ini kerana kekuatan tidak datang hanya dari kemampuan fizikal, tetapi ianya datang juga dari semangat yang tidak pernah mengalah. Semailah ilmu yang dimiliki di mana jua kita berada, kerana ilmu yang didorong dan dikendalikan oleh keringat usaha inilah yang akan menghasilkan mutiara-mutiara yang memancarkan kejayaan untuk membantu mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan Negara suatu hari nanti. Insya-Allah.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga UiTM dan Fakulti Pengurusan Perniagaan atas sumbangan yang diberikan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti. Kepada para pensyarah, terima kasih kerana berjaya melakarkan kejayaan buat UiTM bagi melahirkan para graduan pada hari ini dan teruskanlah usaha murni anda dalam mendidik para pelajar sekalian.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, terimalah pantun dari saya,

Seribu bunga indah berkembang

Harum semerbak memaut rasa

Ilmu pengetahuan luas terbentang

Dari bumi sampai ke angkasa

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 79
19 NOVEMBER 2013 (ISNIN)**

SIDANG KEENAM BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KEENAM BELAS (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-79** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 1,038 graduan dari **Fakulti Sains Gunaan**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran dan onak ranjau, setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan tergenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membawa hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang,
insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencerah bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

[Para graduan berdiri dan memberi tepukan gemuruh bersama-sama Naib Canselor. Para graduan duduk semula di tempat masing-masing.]

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan tegar menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestari pembangunan negara, dan jangan sekali-kali mengikut jejak petualang bangsa yang menghancurkan apa yang

telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita, siapa pun idola kita, apa pun parti idaman hati, dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjelaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah, Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama

dituruni, bagi memperbetul yang silap, mencantikkan yang hodoh, melicinkan yang kusut, tanpa menggadai keamanan negara tercinta.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan antara sebangsa, serumpun ataupun seakidah; tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat di sebalik pepatah Melayu lama, "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri."

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain, agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di sini atau di luar sana.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja.

Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni.

Kepada yang beragama Islam, apa pun yang dilakukan, hindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan agama.

Hakikatnya, walaupun agama Islam menggalakkan kita menceburi bidang keusahawanan, namun jangan jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa perlunya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkuuh tautan ummah, apatah lagi dalam

keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh bangsa serumpun dan seagama.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 79
19 NOVEMBER 2013 (ISNIN)**

SIDANG KETUJUH BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 79

SIDANG KETUJUH BELAS (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokeyen Universiti Teknologi MARA ke-79** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 1,103 graduan dari **Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Kejuteraan Kimia.**

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran dan onak ranjau, setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan tergenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membawa hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencerah bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

[Para graduan berdiri dan memberi tepukan gemuruh bersama-sama Naib Canselor. Para graduan duduk semula di tempat masing-masing.]

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan tegar menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa juu bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestari pembangunan negara, dan jangan sekali-kali mengikut jejak petualang bangsa yang menghancurkan apa yang

telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita, siapa pun idola kita, apa pun parti idaman hati, dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjeksi apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah, Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan maupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama

dituruni, bagi memperbetul yang silap, mencantikkan yang hodoh, melicinkan yang kusut, tanpa menggadai keamanan negara tercinta.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan antara sebangsa, serumpun ataupun seakidah; tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat di sebalik pepatah Melayu lama, “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain, agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di sini atau di luar sana.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja.

Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni.

Kepada yang beragama Islam, apa pun yang dilakukan, hindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan agama.

Hakikatnya, walaupun agama Islam menggalakkan kita menceburi bidang keusahawanan, namun janganjadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada llahi, dan pahat di jiwa perlunya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkuuh tautan ummah, apatah lagi dalam

keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh bangsa serumpun dan seagama.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.